

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.

Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Ke arah memperbaiki kualiti kurikulum, meningkatkan infrastruktur digital

Oleh : Khartini Hamir



BANDAR BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ke-10 petang tadi membincangkan mengenai hala tuju dan perancangan belanjawan Kementerian Pendidikan yang telah dikongsikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Yang Berhormat Menteri mengongsikan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 serta pencapaian kementerian seperti peningkatan dalam program PISA, peningkatan pencapaian akademik pelajar, dan peningkatan kadar pekerjaan selepas tamat pengajian.

Selain itu juga mengenai pencapaian kementerian dalam bidang pendidikan termasuk melaksanakan program wajib pendidikan dari usia 5 tahun, meningkatkan prasarana IT di institusi pendidikan dan bekerjasama dengan negara luar dalam bidang pendidikan.

>> Muka 8

HIDUPKAN RAMADAN DENGAN AMAL IBADAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3)

Komitmen tingkatkan hubungan Perkongsian Strategik

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

TOKYO, JEPUN, Isnin, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida dan isteri, Puan Yuko Kishida bagi Majlis Santap Malam sebaik sahaja selesai Majlis-majlis Perjumpaan dan Majlis Pertukaran Nota.

Pada Majlis Santap Malam tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dalam sabda menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri Fumio Kishida atas dedikasi dan komitmennya yang signifikan terhadap hubungan di antara kedua-dua buah negara sejak beliau menjadi Menteri Luar Negeri, termasuk semasa

Keberangkatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jepun tahun lepas.

Ke arah ini, DYTM menyatakan keyakinan bahawa hubungan tersebut akan terus diperkukuh lagi pada tahun-tahun akan datang di bawah kepimpinan Perdana Menteri Kishida.

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun sabda DYTM, menikmati kerjasama yang sangat baik melalui hubungan rapat di antara kerabat diraja serta kerajaan dan rakyat.

DYTM seterusnya bersabda kedua-buah negara akan meraikan 40 tahun hubungan persahabatan pada tahun ini, di mana DYTM mengesahkan bahawa komitmen bersama untuk meningkatkan hubungan kepada Perkongsian Strategik serta kerjasama teguh yang telah dibina bersama akan memastikan kedayatahan dalam era yang tidak menentu dan berubah.

>> Muka 4



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

 Pelita Brunei
  pelitabrunei
  pelitabrunei

Berita Utama



PEMBUKAAN Tadarus Al-Quran seluruh negara

Muka 6



MENINGKATKAN kefahaman, pengetahuan mualaf mengenai puasa

Muka 18



PELANCARAN panduan audio digital BRC UBD

Muka 25



RENCANA RAMADAN bulan rezeki buat para peniaga

Muka 28



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong, pada Sabtu, 9 Mac 2024.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,

Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat hadir dan menyaksikan Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara

Tingkatkan nilai tambah program lebih holistik, inklusif

(PKBN) Pengambilan Ke-12 pada pagi ini. Beta mengucapkan syabas kepada Pelatih-pelatih PKBN di atas pertunjukan perbarisan yang penuh semangat sebentar tadi.

Beta dengan besar hati, mengucapkan tahniah kepada semua 469 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 di atas kecekalan mereka mengikuti latihan selama 14 minggu dengan penuh semangat dan sabar. Ini bererti seramai lebih 4,000 belia telah pun berjaya mengikuti latihan ini sejak penubuhan PKBN 11 tahun yang lalu.

Beta turut berbangga di atas pencapaian ini, sambil tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para ibu bapa dan penjaga di atas dorongan dan sokongan mereka untuk kejayaan program ini.

Beta berharap supaya program ini akan terus menghasilkan belia-belia negara yang cemerlang, yang bertanggungjawab dan berdisiplin, yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dibanggakan.

Sukat-sukat kepimpinan yang dibanggakan itu ialah apabila para belia bersedia untuk menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada ummah dan negara, walaupun tanpa imbalan berupa mata benda. Kesediaan seperti ini memang sukar didapati tetapi beta yakin para belia kita di negara ini boleh dipercayai sebagai tidak menghampakan.

Terutama para belia di era merdeka, mereka malu untuk menarik diri dari perjuangan memperkasa bangsa dan negara. Mereka sedar bahawa mereka adalah agen masa depan yang cepat berubah. Mereka tidak sanggup untuk menunggu lama-lama sebarang perubahan yang menjadi sasaran.

Maka lantaran itu, beta ingin melihat program ini akan dapat dipertingkatkan lagi melalui nilai tambah ke arah program yang

lebih holistik dan inklusif, termasuk dengan mengambil kira peringkat kecerdasan (*level of fitness*) dan juga kesihatan mental (*mental health*) para pelatih. Ke arah itu, sokongan dan dukungan oleh institusi keluarga adalah sangat penting dalam sama-sama mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelatih-pelatih meraih kecemerlangan.

Dengan mengambil kira semua elemen-elemen ini, insyaaAllah PKBN akan lebih inklusif dan boleh memberikan kesan yang berpanjangan kepada cara hidup para pelatih sehingga menjadi orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Sebagai langkah ke hadapan, beta berharap PKBN ini akan dapat juga melatih lebih ramai lagi para belia seperti melibatkan lepasan-lepasan institusi pendidikan tinggi supaya kesan baik daripadanya boleh memberikan belia-belia kemahiran dan keyakinan untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan sekali gus mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Untuk akhirnya, beta sekali lagi mengulangi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 yang telah berjaya menamatkan latihan mereka. Beta juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak pengurusan dan para jurulatih PKBN atas usaha mereka melatih dan mendidik para pelatih. Semoga PKBN serta Kem PKBN akan terus berkembang maju dan sentiasa di dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	RABU	2	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	KHAMIS	3	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	JUMAAT	4	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41
16	SABTU	5	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41
17	AHAD	6	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.40
18	ISNIN	7	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40
19	SELASA	8	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	
Pekan Bangar			
32 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	
Pekan Tutong			
32 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	
Kuala Belait			
32 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

13 MAC 2024

Lipat gandakan amal ibadah sepanjang Ramadan

ALHAMDULILLAH kini umat Islam ditemukan lagi dengan bulan Ramadan di mana dalam bulan ini adalah peluang untuk melipatgandakan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam bulan ini terdapat beberapa amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan. Antaranya adalah seperti berikut.

Pertama ialah bersedekah. Amalan bersedekah adalah salah satu amalan yang paling banyak dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terutama pada bulan Ramadan, tidak kira kecil ataupun besar, banyak atau sedikit.

Manakala perkara kedua ialah Sembahyang Sunat Tarawih. Dalam bulan Ramadan inilah kita berpeluang untuk menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dengan berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah bagi sama-sama mengimarahkan dan menghidupkan malam-malam bulan Ramadan.

Di samping itu, bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita lebih mendekati Al-Quran. Inilah masanya kita berusaha untuk khatam Al-Quran dengan cara dan faedah yang sesuai. Oleh itu, jadikanlah amalan membaca Al-Quran sebagai budaya atau gaya hidup seharian. Bukan sahaja kita membacanya dengan tertil dan fasih, tetapi juga memahami dan meneliti isi kandungan yang terdapat di dalamnya untuk mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya.

Sementara, amalan keempat yang boleh dilakukan ialah menyungkaikan. Amalan memberi makan untuk orang yang berbuka puasa adalah sangat digalakkan dan mempunyai ganjaran yang sangat istimewa. Menurut hadis riwayat Imam Termizi, daripada Zaid bin Khalid Juhani Radiallahuanhu, berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Siapa memberi makan orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangkan pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun jua".

Manakala bersahur juga merupakan amalan yang dituntut. Para ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat dan ada keberkatan. Selain sunat untuk melambatkan sahur sehingga hampir waktu fajar. Antara tujuannya ialah demi memendekkan masa untuk menahan diri daripada lapar dan dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Oleh itu, ambillah peluang untuk melipatgandakan amal ibadah dalam bulan Ramadan ini, kerana ia adalah kesempatan terbaik untuk memperbaiki diri dan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga setiap amal ibadah yang kita lakukan dalam bulan Ramadan kali ini akan diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.* - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Hidupkan Ramadan dengan amal ibadat

■ Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Ramadan datang lagi, satu bulan, yang darjatnya sangat tinggi di sisi Allah.

Pada bulan inilah, diwajibkan kita berpuasa, diturunkan kitab suci Al-Quran dan di dalamnya disediakan satu malam yang lebih baik atau lebih utama dari seribu bulan.

Bayangkan, seribu bulan itu berapa tahun? Kira-kira 83 tahun. Itulah nilai pahala bagi satu malam Lailatulqadar sama dengan pahala 83 tahun. Masya Allah, betapa luar biasanya bulan Ramadan itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah

demikian dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya bertitah, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu dalam sebuah hadis Baginda, maksudnya : *"Mula-mula Ramadan ialah rahmat, di tengah-tengahnya pengampunan dan di akhirnya kemerdekaan dari api neraka"*.

Dari hadis ini, tegas baginda, alangkah beruntungnya siapa yang dapat berpuasa sebulan penuh : Di awalnya akan mendapat rahmat, di tengah-tengahnya mendapat keampunan dan di akhirnya mendapat kebebasan dari api neraka.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama memasang niat untuk berpuasa sebulan penuh bagi meraih pahala yang dijanjikan.

"Beta berharap, jangan siapa yang rimas dengan Ramadan, tetapi bersedialah menyambutnya dengan hati terbuka, bukan merasa tertekan dan dukacita kerana terpaksa berlapar dan dahaga," jelas baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, inilah masanya kita akan mengaut pahala sabar, lebih-lebih lagi sabar di bulan Ramadan yang tidak sama dengan sabar di lain-lain bulan.

"Kerana Ramadan itu sendiri dinamakan ia 'Bulan Sabar', sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : *"Ramadan adalah 'Bulan Sabar', dan sabar pula balasannya ialah syurga"*.

"Marilah kita sama-sama berazam untuk menghayati Ramadan," jelas baginda.

Baginda kemudiannya bertitah, hidupkan ia dengan ibadat puasa, dengan membaca

Al-Quran dengan qiamullail, dengan tarawih, dengan zikir, dengan sedekah dan lain-lain amal soleh.

Dalam titah tersebut juga, baginda difahamkan berdasarkan riwayat, bahawa semua pintu langit dan pintu syurga adalah dibuka pada bulan Ramadan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup, sekalian iblis dan syaitan dirantai, supaya mereka tidak dapat mengacau kaum Muslimin dalam masa berpuasa.

Satu sembahyang dalam bulan Ramadan, jelas baginda, dikira sama pahalanya dengan sembahyang fardu pada lain-lain bulan dan satu sembahyang fardu pula dalam bulan Ramadan pahalanya adalah sama dengan 70 fardu pada lain-lain bulan.

"Demikian keistimewaan Ramadan itu, kita di negara ini sangat beruntung dapat merebut fadilat Ramadan tanpa gangguan, negara

kita alhamdulillah, telah ditakdirkan aman, berbanding di sebahagian tempat di dunia, ada yang dilanda oleh pelbagai musibah, seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, peperangan dan lain-lain, yang semua itu boleh menjadikan ibadat, tidak boleh dilakukan dengan sempurna," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, kita hanya mampu membayangkan betapa deritanya mereka, dan selebihnya hanya Allah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Mengasihani.

Dalam mengakhiri titah, baginda serta kerabat dengan amat sukacita mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini, semoga kita sama-sama dapat menunaikan kewajipan berpuasa tanpa sebarang halangan atau gangguan.

MENAMATKAN KEBERANGKATAN RASMI KE JEPUN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat bertolak meninggalkan Tokyo selepas menamatkan Keberangkatan Rasmi ke Jepun (atas), manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia serta anakanda-anakanda DYTm menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

TOKYO, JEPUN, Isnin, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman malam tadi berangkat bertolak meninggalkan Tokyo selepas menamatkan Keberangkatan Rasmi ke Jepun.

Berangkat sama ialah paduka-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul

Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji

Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda bagi menyambuhkan selamat berangkat ke hadapan majlis DYTm dan Yang Teramat Mulia ialah Duta dan Ketua Protokol bagi Kementerian Luar Negeri Jepun (Head of the Suite of

Honour), Tuan Yang Terutama Shimada Takehiro dan isteri.

Turut hadir bagi menyambuhkan selamat berangkat ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Toru Maeda; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa.

KOMITMEN TINGKATKAN HUBUNGAN PERKONGSIAN STRATEGIK

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



>> Muka 1

DYTM seterusnya bersabda hubungan yang kekal berlanjutan dan visi bersama untuk bekerjasama dalam bidang tenaga mendahului tarikh penubuhan hubungan diplomatik.

NBD sabda DYTM, menghargai secara mendalam sokongan

berterusan Jepun ke arah menghasilkan kerjasama kukuh dalam bidang tenaga yang dinikmati sehingga kini.

Selain itu, DYTM turut menzahirkan penghargaan atas sokongan Jepun di bawah Asia Zero Emissions Community (AZEC) dan inisiatif NBD di bawah Pusat Perubahan Iklim ASEAN,

dalam merangka dasar-dasar yang bersepadu dan strategik bagi rantau ini.

Oleh itu, sabda DYTM, penyelesaian Pertukaran Nota mengenai Aturan Pengecualian Visa pada hari ini, akan mengeratkan lagi silaturahim rakyat kedua-dua buah negara, terutamanya dalam meraikan tahun 2024 sebagai Tahun Persahabatan Brunei-Jepun.

Akhir sekali, mengenai isu serantau, DYTM bersabda menyatakan bahawa NBD sentiasa menghargai kerjasama dan sokongan Jepun terhadap ASEAN, terutama sekali melalui penubuhan Perkongsian Komprehensif Strategik ke arah memastikan keamanan dan keselamatan.

Terdahulu sebelum itu, Tuan Yang Terutama dalam ucapan telah mengetengahkan persetujuan bersama mengenai pelanjutan pengecualian visa dan hubungan yang telah lama terjalin antara NBD dan Jepun yang akan menandakan Ulang Tahun Ke-40 pada tahun 2024.

TYT juga menekankan bahawa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida dan isteri, Puan Yuko Kishida (atas dan kiri).

kerjasama tenaga yang sedia adalah signifikan, termasuk Ulang Tahun Ke-50 penghantaran BLNG ke Jepun pada tahun 2022 dan berharap agar kerjasama ini dapat diteruskan.

Pada penghujung ucapan,

TYT menyatakan harapan bagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara untuk diperkembangkan lagi dan seterusnya mengalu-alukan keberangkatan DYTM ke Jepun pada masa akan datang.

Berkenan menyaksikan Majlis Pertukaran Nota

TOKYO, JEPUN, Isnin, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida bagi menyaksikan Majlis Pertukaran Nota mengenai Aturan Pengecualian Visa sebaik selesai Majlis Perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun.

Pertukaran Nota berkenaan telah dilaksanakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Toru Maeda.

Pertukaran Nota tersebut membolehkan rakyat Jepun untuk memasuki NBD tanpa keperluan visa selama tempoh 30 hari, yang akan menggalakkan sekali gus memudahkan perjalanan rakyat serta pergerakan barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua buah negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan menyaksikan Majlis Pertukaran Nota mengenai Aturan Pengecualian Visa.

NBD - Jepun bincang pelbagai kerjasama dua hala



TOKYO, JEPUN, Isnin, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan Majlis Perjumpaan dengan

Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida di mana Duli Yang Teramat Mulia menzahirkan ucapan takziah yang amat mendalam kepada mangsa gempa bumi Fukushima, yang mana Jepun menandakan ulang tahun ke-13 kejadian bencana tersebut pada tahun ini.

Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama juga

berbincang mengenai kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun dalam bidang tenaga, pertukaran antara rakyat, pertahanan dan kerjasama maritim.

Perbincangan juga termasuk pertukaran pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa termasuk hubungan dialog ASEAN-Japan; perkembangan di Myanmar; dan situasi di Palestin.

Pada atur cara berasingan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama isteri TYT Perdana Menteri Jepun, Puan Yuko Kishida, di Prime Minister's Residence.

Terdahulu dari itu, Yang Teramat Mulia dan Puan Yuko Kishida telah menyaksikan demonstrasi Ikebana, dan seterusnya melakukan aktiviti penggubahan bunga.

Ikebana, juga dikenali sebagai kado, ialah seni merangkai bunga dari Jepun yang melibatkan pemotongan tangkai, daun dan bunga dalam pasu atau kontena untuk mengungkapkan perasaan atau emosi yang tertentu, serupa dengan lukisan atau arca.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida (kiri), manakala gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama isteri Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun, Puan Yuko Kishida pada atur cara yang berasingan.

BERKENAN MELAWAT ANEGASAKI THERMAL POWER STATION

ICHIHARA, JEPUN, Isnin, 11 Mac.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Anegasaki Thermal Power Station di Ichihara.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Presiden Japan's Energy for a New Era (JERA), Hisahude Okuda; Pengarah Anegasaki Thermal Power Station, Kentaro Saga; dan Senior Managing Executive Officer, JERA, Kazunori Kasai.

Semasa lawatan tersebut, DYTМ disembahkan taklimat mengenai Syarikat JERA - usaha sama (*joint venture*) antara Tokyo Electric Power Company dan Chubu Electric Power, iaitu syarikat yang mengoperasikan Anegasaki Thermal Power Station. Ini diikuti dengan tayangan video mengenai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Anegasaki Thermal Power Station di Ichihara (atas dan kanan).

Anegasaki Thermal Power Station. DYTМ juga berkesempatan berangkat melawat Central Control Room, iaitu pusat kawalan stesen tersebut, dan Bangunan Turbine No. 1.

Anegasaki Thermal Power

Station, dengan kapasiti sebanyak 3.15 gigawatt, merupakan stesen jana kuasa digital yang pertama dibina oleh Syarikat JERA.

Stesen jana kuasa ini mampu menjana kuasa yang lebih bersih dan efisien serta pelepasan karbon dioksida yang rendah dengan menggunakan teknologi Combine-Cycle Gas Turbine (CCGT).

Matlamat Syarikat JERA ke arah



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

zero carbon dioxide emissions menjelang tahun 2050 melalui antara lainnya, penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui, adalah juga selaras dengan komitmen negara ke arah matlamat yang sama.

Sepanjang lima dekad yang lalu, syarikat-syarikat Jepun seperti JERA merupakan pelanggan asas

Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Sektor Tenaga.

Dalam masa yang sama, NBD komited untuk meneruskan peranannya sebagai pembekal tenaga yang boleh dipercayai dalam memenuhi keperluan keselamatan tenaga Jepun, melalui bekalan tenaga kepada JERA dan pelanggan yang lain di Jepun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mendengarkan sembah penerangan (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota disembahkan taklimat mengenai Syarikat JERA.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung untuk sesi bergambar ramai.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Pembukaan Tadarus tersebut.

KIARONG, Isnin, 11 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan



TADABBUR Al-Quran disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim.

Ini kerana dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Subhanahu Wata'ala.

Pada bulan Ramadan pintu-pintu syurga dibuka dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini. Semuanya adalah tanda kemurahan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Demikianlah juga pintu-pintu masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dibukakan bagi umat Islam baik secara perseorangan mahupun keluarga beriktikaf dan menggandakan amal ibadat serta menyemarakkan bulan Ramadan dengan mengikuti pelbagai aktiviti keagamaan yang disediakan

sepanjang bulan Ramadan ini.

Tadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat adalah salah satu aktiviti takmir di bulan Ramadan yang mendapat sambutan masyarakat Islam di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan malam tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir pada Majlis Pembukaan Tadarus tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan

Keagamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Tadarus Al-Quran dimulakan dari bacaan Surah Al-Baqarah oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Tadarus Al-Quran di Masjid, Surau dan Balai Ibadat merupakan salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini, dalam suasana masyarakat Islam, tanpa mengira peringkat umur, sama-sama memperdengarkan bacaan Al-Quran sekali gus mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini dengan amal ibadat semata-mata bagi meraih keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara tersebut dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dan Radio Televisyen Brunei.

MAJLIS Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS AL-QURAN SEMARAKKAN BULAN RAMADAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mac. - Majlis Pembukaan bagi Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan malam tadi, bertempat di Surau,

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa hadir pada Majlis Pembukaan bagi Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman (kiri), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji

Mustafa bin Haji Murat.

Majlis seterusnya disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran bermula dari Surah Al-Baqarah.

Manakala bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa.

Juga hadir, pegawai dan kakitangan dari ABDB, PPDB, Jabatan Imigresen dan Kebangsaan Pendaftaran, Jabatan Penjara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pengajian Islam.



KEKALKAN BRUNEI SEBAGAI NEGARA MIB MERDEKA, BERDAULAT, DEMOKRATIK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada majlis berkenaan.

BERAKAS, Isnin, 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan, azam dan aspirasi kemerdekaan merupakan janji kita kepada diri sendiri untuk berbuat sesuatu yang signifikan dengan adanya kuasa penuh ke atas

urusan bernegara dan berkerajaan.

Yang Berhormat berkata, tidak sama dengan keadaan negara kita, iaitu kita bangsa; dan rakyatnya duduk bernaung di bawah kuasa asing.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, dalam konteks menyambut dan memperingati Hari Kebangsaan Ke-40 Tahun pada tahun ini, rata-rata kita dapat mengenang atau mengingat bukan mesti peristiwanya semata-mata tapi ialah tentang azam dan aspirasi kita bernegara merdeka.

Yang Berhormat berucap demikian pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, azam dan aspirasi itu ialah azam politik untuk mengekalkan Brunei buat selama-lamanya sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli

Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

Azam nasional jelas Yang Berhormat, iaitu menerusi negara MIB yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat.

"Azam Internasional, iaitu memelihara perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas daripada campur tangan asing.

"Sedemikian itulah yang sewajarnya ingatan kita dalam menyambut dan merayakan hari kebangsaan setiap tahun khususnya tahun ini Hari Kebangsaan yang Ke-40 Tahun.

"Kita menyebut-nyebut Hari Kebangsaan yang bermula pada 23 Februari 1984 yang sekarang sudah 40 tahun disambut," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya

berkata, nampaknya setiap tahun kita dengan rancang merancang sambutannya, sampai kita lupa tentang tarikh 1 Januari 1984, iaitu Hari Pemasyhuran Kemerdekaan.

Maka tambah Yang Berhormat, untuk kepentingan sejarah perlu dinyatakan di sini dan di mana-mana bahawa ternyata ada dua peristiwa kenegaraan dalam konteks kemerdekaan kita, iaitu pertama ialah peristiwa kemerdekaan dimasyhurkan dalam satu acara Perhimpunan Menyambut Kemerdekaan pada 31 Disember 1983 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin menjelang tengah malam dan detik-detik awal 1 Januari 1984.

Ada pun peristiwa kedua jelas Yang Berhormat lagi, ialah Sambutan Hari Kebangsaan pertama yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Menurut Yang Berhormat, sambutan dengan acara meriah berkenaan dihadiri oleh para tamu kenamaan dari luar negeri antaranya ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan dengan peristiwa berkenaan menandakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

kemunculan NBD dalam kalangan negara dan bangsa-bangsa yang merdeka dan peristiwa itulah yang kita peringati tandanya dan negara kita adalah setaraf dengan bangsa-bangsa dan negara-negara sedunia yang bebas merdeka.

"Meski pun negara dan bangsa kita bersaiz kecil dengan penduduk sewaktu memasyhurkan kemerdekaan cuma sekitar dua ratus ribu sahaja, namun hakikatnya kita adalah negara dan bangsa setaraf dengan negara-negara dan bangsa-bangsa yang besar yang ramai penduduknya.

"Itu yang kita syukuri dan kita syukuri kemerdekaan dalam makna untuk dihargai, dipelihara dan disempurnakan dengan tidak disia-siakan, tidak disalahgunakan.

"Mensyukuri kemerdekaan untuk negara dan bangsa kita, generasi demi generasi tetap berdaulat, aman dan tenteram yang membahagiakan bangsa dengan berkemajuan yang berkebakikan dan moden yang seimbang dan itulah Brunei tanah air kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Semarak Hari Kebangsaan :

Suntik semangat patriotik cintakan tanah air



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

BERAKAS, Isnin, 11 Mac. - Sebagai tanda semangat patriotik dan cintakan tanah air, Negara Brunei Darussalam (NBD) serta bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas mencapainya 40 tahun kemerdekaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menganjurkan Majlis Semarak Hari Kebangsaan (HK) bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha-setiausaha

Tetap KHEU; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Timbalan Setiausaha Tetap KKBS; serta Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Tadabbur daripada para pelajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan para tenaga pengajar Tarannum, iaitu Pegawai Pelajaran (Tarannum), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohd Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; Pegawai Pelajaran (Tarannum) Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili; serta dua pelajar dari ITQSHHB / Skim Tilawah Al-Quran Remaja, iaitu Awang Muhammad Nurhidayatullah Al-Mukmin bin Awang Rosnani; dan Awang

Muhammad Ishqal Ezairy@Abdul Mateen bin Mohammad Shahrini.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adnan bin Haji Basar selaku Pengerusi Bersama Majlis serta ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Atur cara majlis juga diselitkan dengan tayangan video 40 Tahun Menelusuri Kemerdekaan Dalam Perkhidmatan Ugama.

Sementara itu, sesi bual bicara ristaan kemerdekaan dengan tajuk '40 Tahun Menelusuri Kemerdekaan Dalam Perkhidmatan Ugama' turut dibincangkan yang menyentuh mengenai ristaan kemerdekaan dan perkhidmatan ugama dalam menelusuri sejarah tanah air sejak kemerdekaan hingga sekarang.

Ahli panel bual bicara terdiri daripada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Dayang Khairunnisa bin Haji Ash'ari; dan graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga pemenang Pertandingan Pidato Kebangsaan 2023 sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39 Tahun, Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib, manakala Pegawai Pelajaran Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Jaya bin Haji Metussin selaku moderator bagi bual bicara.

Sesi bual bicara diselangi dengan Persembahan Menambang Syair dan seni pantun Brunei daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis Semarak Hari Kebangsaan diserikan lagi dengan persembakan Kalam Jama'ie yang dibawakan oleh para pelajar Sekolah Arab

Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba dan diikuti dengan bacaan Selawat daripada para pelajar ITQSHHB.

Majlis Semarak HK yang merupakan acara tahunan KHEU itu diharap dapat menyuntik patriotisme terhadap NBD melalui aktiviti-aktiviti kenegaraan di samping meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat, beragama dan bernegara khususnya dalam kalangan warga kementerian dan masyarakat amnya.

Adapun majlis diadakan antara lain bertujuan untuk meraikan dan menyemarakkan

Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 Tahun dalam kalangan warga KHEU, di samping mengeratkan kerjasama dan integriti kalangan warga kementerian serta jabatan-jabatan dan institusi-institusi pengajian di bawahnya.

Majlis disemarakkan lagi dengan kehadiran para pegawai dan kakitangan KHEU; para belia masjid dan belia Program Keugamaan Belia; mahasiswa dan mahasiswi dari KUPU SB dan UNISSA, serta para pelajar dari ITQSHHB dan sekolah-sekolah Arab serta juga para jemputan daripada beberapa buah institusi pengajian swasta.



AHLI panel bual bicara terdiri daripada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Dayang Khairunnisa bin Haji Ash'ari; dan Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KE ARAH MEMPERBAIKI KUALITI KURIKULUM, MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR DIGITAL

>> Muka 1

Walau bagaimanapun katanya, usaha masih diteruskan untuk memperbaiki kualiti kurikulum, meningkatkan infrastruktur digital, dan mengukuhkan proses pemilihan tenaga pengajar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam mukadimahya menjelaskan pada Tahun Kewangan 2023 / 2024 telah menuai beberapa hasil perubahan dan kemajuan yang signifikan dalam sektor Pendidikan, sejajar dengan keperluan Negara khususnya bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran yang relevan untuk menjana ekonomi negara, di samping meneruskan usaha-usaha menangani cabaran-cabaran global yang turut memberi kesan dan pengaruh kepada komitmen dan peranan

Kementerian Pendidikan.

"Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, setiap cabaran yang dihadapi telah membukakan peluang-peluang peningkatan dalam keupayaan Kementerian Pendidikan agar setanding dengan negara-negara lain dalam menyediakan ekosistem pendidikan yang lebih mampan, lestari dan responsif kepada faktor-faktor global antara lain krisis kesihatan dan kepesatan kemajuan industri serta teknologi," terangnya.

Justeru, sebagai langkah memperkemarkan lagi perancangan-perancangan yang mencakupi kesemua aspek dan peringkat pendidikan agar sentiasa terarah, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2023-2027) telah menumpukan

kepada tiga matlamat utama, iaitu Memupuk Pelajar Siap Siaga Masa Hadapan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta keupayaan pelajar dalam mengharungi masa hadapan yang sentiasa berubah dan menyumbang sebagai ahli masyarakat yang aktif.

Kedua, Mempertingkatkan Ekosistem Pendidikan Inovatif, di mana Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk memastikan amalan dan proses pendidikan yang *robust* dan relevan, dalam mewujudkan penyelesaian-penyelesaian baharu; dan Membina Sumber Tenaga Manusia dengan meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia dengan menyediakan latihan profesional berdasarkan piawaian etika yang

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

tinggi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak BND810,383,636 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024 / 2025.

Dari jumlah peruntukan di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan dan Jabatan-jabatan, sejumlah BND549,176,850, iaitu 68%, adalah disediakan untuk emolumen kakitangan iaitu sebanyak 12,580 jawatan bagi tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar.

Sementara BND221,997,500, iaitu 27% untuk Perbelanjaan Berulang-ulang, dan Perbelanjaan Kemajuan adalah sebanyak BND39,209,286, iaitu sebanyak 5%.

Adalah tidak disangkalkan, jumlah peruntukan yang signifikan ini ujar Yang Berhormat, menunjukkan komitmen Negara Brunei Darussalam yang berterusan melalui Kementerian Pendidikan, untuk menjana sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi sejajar dengan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035,



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

iaitu Melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

"InsyaAllah, kaola / saya dan seluruh warga Kementerian Pendidikan akan memanfaatkannya dengan penuh amanah mengikut keutamaan dan keberhasilan impak untuk mendukung Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025, iaitu Bersatu Membina Masa Depan yang Lebih Makmur, khususnya memfokuskan kepada Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan bagi memenuhi ekspektasi pelbagai pihak yang berkepentingan," ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

"ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, setiap cabaran yang dihadapi telah membukakan peluang-peluang peningkatan dalam keupayaan Kementerian Pendidikan agar setanding dengan negara-negara lain dalam menyediakan ekosistem pendidikan yang lebih mampan, lestari dan responsif kepada faktor-faktor global antara lain krisis kesihatan dan kepesatan kemajuan industri serta teknologi," terangnya.

Peningkatan signifikan dalam PISA 2022

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh pada Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis petang tadi menggariskan mengenai hasil dan pencapaian Sektor Pendidikan antaranya Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam Program for International Students Assessment (PISA) bagi Tahun 2022 telah menunjukkan

peningkatan yang signifikan dari PISA 2018.

Di antara negara-negara ASEAN yang ikut serta, Brunei Darussalam adalah salah satu daripada tiga negara teratas dalam semua domain PISA 2022 yang mana Skor bagi Negara Brunei Darussalam dalam ketiga-tiga domain adalah 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi Sains.

Ini adalah peningkatan yang sangat ketara dan signifikan dibandingkan dengan keputusan PISA 2018, dengan peningkatan sebanyak 12 skor bagi Matematik, 21 skor dalam Membaca dan 15

skor dalam Sains.

Kedua ialah Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak 15.0% berbanding pencapaian Tahun 2022, di mana sebanyak 61.3% atau seramai 2,110 calon telah berjaya memperoleh Gred 'A' hingga 'C' dalam kesemua lima mata pelajaran teras.

Bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan IGCSE pula terangnya, sebanyak 41.11% atau seramai 1,687 calon telah memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level Kredit pada Tahun 2023.

Terdapat sedikit penurunan, iaitu sebanyak 2.04% berbanding Tahun 2022, walau bagaimanapun, pencapaian ini masih menggambarkan trend keputusan yang konsisten 10 tahun kebelakangan, katanya lagi.

Bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' Level pula, sebanyak 68.03% atau seramai 1,032 calon telah memperoleh sekurang-kurangnya 3 'A' Level pada tahun 2023.

"Pencapaian ini menunjukkan penurunan peratus berbanding

tahun 2022. Walau bagaimanapun, jumlah calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 1 'A' Level Gred A-C telah meningkat dari 920 pada tahun 2022 ke 990 pada tahun 2023.

"Manakala, jumlah calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 1 'A' Level Gred A-E telah meningkat dari 1,320 pada tahun 2022 ke 1430 pada tahun 2023. Peningkatan ini menunjukkan akan lebih ramai pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya pada tahun ini," tambahnya lagi.

Seterusnya pencapaian dalam Employment Rate selepas enam bulan menamatkan pengajian dalam kalangan graduan Institusi-institusi Teknikal dan pengajian tinggi awam serta swasta telah menunjukkan peningkatan kepada 76.0% pada tahun 2022 berbanding 67.8% pada tahun 2021.

Ini adalah hasil daripada kerjasama Kementerian Pendidikan bersama MPEC dan industri, untuk menarik kemasukan pelajar ke program-program yang relevan dengan keperluan

pekerjaan dalam industri tempatan.

Kajian Kepuasan Majikan (Employer Satisfaction Survey - ESS) dalam kalangan graduan institusi pendidikan teknikal dan IPT awam dan swasta pada tahun 2021 jelasnya lagi, menunjukkan kadar yang memberangsangkan, iaitu 80.6%.

Juga dikongsikan mengenai Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) masing-masing berada dalam kedudukan ke-387 dan ke-525 dalam QS World University Rankings mengikut piawaian baharu bagi Tahun 2024.

Manakala, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula buat julung kalinya tersenarai di kedudukan ke-74 dalam QS Asian University Ranking - South Eastern Asia bagi Tahun 2024.

"Di sebalik segala pencapaian yang kaola / saya kongsi tadi, masih terdapat usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk terus meraih kecemerlangan dalam penyediaan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi," ujar Yang Berhormat lagi.

Di antara negara-negara ASEAN yang ikut serta, Brunei Darussalam adalah salah satu daripada tiga negara teratas dalam semua domain PISA 2022 yang mana Skor bagi Negara Brunei Darussalam dalam ketiga-tiga domain adalah 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi Sains.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Kerjasama sepadu banteras gejala buli

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif bagi membanteras gejala buli dalam kalangan penuntut di sekolah-sekolah.

Menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, daripada data yang direkodkan, ada penurunan dari segi peratus daripada tahun 2018 hingga 2022.

Pada tahun 2018 jelas Yang Berhormat adalah dalam 69 peratus dan pada tahun 2022

menurun 56 peratus, iaitu ada penurunan sekurang-kurangnya pernah merasa dibuli sekali dalam setahun.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah juga mengongsikan, antara program ataupun aktiviti yang telah dijalankan bagi membanteras gejala buli ini termasuklah Program BEST (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) dan juga pelancaran buku model panduan menangani isu buli di peringkat sekolah dan program SINAR (Stabiliti Integriti Nasionalisma Akauntabiliti dan Rohani), iaitu kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bersama dengan kaunselor-kaunselor sekolah.

"Ia memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar mengenai dengan perilaku buli agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang merosakkan akhlak dan juga menjejaskan prestasi akademik mereka.

"Program-program awareness juga dilakukan, program keibubapaan yang bertujuan agar ibu bapa dan penjaga juga sentiasa mengawasi dan mengetahui hal ehwal anak-anak mereka termasuklah keberadaan anak-anak mereka dan juga dengan siapa anak-anak mereka itu berkawan," ujar Yang Berhormat semasa memberi maklum balas kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang

Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Menambah jawapan mengenai isu buli itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menggariskan bahawa pihak Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan telah mewujudkan Program Bebas Buli bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk pencegahan dan pengurusan buli di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, mengambil kira hasil dapatan kaji selidik tersebut, beberapa langkah utama telah dikenal pasti untuk meningkatkan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai isu buli dan seterusnya mencegah

YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

Menteri

dari berlaku di sekolah-sekolah.

"Di antaranya tambah Yang Berhormat, ialah keperluan untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian tentang isu buli kepada pelajar-pelajar mahupun guru di sekolah-sekolah serta masyarakat.

Penyelarasan pengetahuan mengenai isu buli dengan pendidikan adalah perlu diterapkan di dalam kurikulum pendidikan kebangsaan seawal Tahun 4 dan program bebas buli akan diungkapkan melalui program *school outreach* dan *community outreach* di seluruh



negara," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menegaskan bahawa isu buli ini bukan sahaja bagi orang yang dibuli, bahkan juga orang yang membuli itu, kerana tingkah laku sosial yang kurang baik ini boleh berlaku dari rumah atau melalui *online* dan sebagainya.

"Jadi *effort* untuk *bullying* ini, *should be also promotion of good parenting at home and it needs multi agency approach, what we call Whole Nation Approach to solve the problem*," tegas Yang Berhormat menambah.

ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman.



KEMBANGKAN ASAS METODOLOGI PEMBELAJARAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Program pendidikan serta kemahiran Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics (STEAM) ataupun ringkasnya SES ini dilaksanakan dalam tiga kaedah iaitu STEAM dalam kurikulum, STEAM merentas kurikulum dan STEAM merentas kokurikulum.

Apa yang dimaksudkan dengan STEAM dalam kurikulum? Ia adalah pengemaskinian dasar taburan dan mata pelajaran di peringkat menengah iaitu seni dan teknologi dijadikan sebagai mata pelajaran teras.



Manakala, STEAM merentas kurikulum adalah penerapan kemahiran 6C (Six Cs) iaitu *critical thinking*, *creative thinking*, *communication*, *collaboration*, *character* dan juga *citizenship*.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh mengulas mengenai perkara itu ketika menjawab isu-isu yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub ketika membahaskan belanjawan bagi Kementerian Pendidikan di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, petang tadi.

Justeru apakah usaha dan juga inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memperluaskan lagi kemahiran STEAM ini khususnya bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah serta pengajian tinggi?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan,

sebenarnya kemahiran-kemahiran Six Cs ini boleh dikembangkan melalui kaedah pengajaran yang pelbagai, dan sebab itulah guru-guru sentiasa diberikan *professional development* supaya mengembangkan lagi ataupun memberikan lagi mereka asas-asas *new methodologists in teaching* supaya kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 ini dapat dikembangkan.

Manakala, STEAM merentas kokurikulum adalah penerapan pendidikan dan juga kemahiran STEAM melalui aktiviti-aktiviti di luar darjah.

"Sebenarnya, pihak Kementerian Pendidikan mengendalikan juga program-program ataupun aktiviti berkaitan dengan pendidikan dan juga kemahiran STEAM di luar waktu kurikulum sama ada di peringkat sekolah ataupun kementerian melalui Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum," terang Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, banyak lagi aktiviti yang telah dilakukan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

oleh unit ataupun jabatan-jabatan ini seperti Iconic STEP's Program yang mengandungi bengkel dan juga latihan-latihan STEAM yang dilaksanakan oleh Pusat STEP, Program Celik-Biz dan BigStart yang diungkapkan oleh Pusat Keusahawanan Inovasi, projek Coding with Smart Devices for Schools, pertandingan-pertandingan di peringkat nasional, STEAM Outreach Program dan Green School Initiative and Gardening di sekolah-sekolah.

Mengenai peningkatan kompetensi ataupun kemahiran Six Cs jelas Yang Berhormat, penguasaan kemahiran ini boleh dikembangkan dengan kepelbagaian metodologi pembelajaran.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan melalui Pusat STEP pada masa ini sedang giat menyediakan satu instrumen bagi menilai kemahiran kompetensi abad ke-21 dengan menggunakan satu STEAM Competency Rubric.

"Ertinya, kalau ada sudah *rubric*, guru-guru akan berpandukan *rubric* ini untuk menilai apa kemahiran ataupun tahap



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

kemahiran-kemahiran Six Cs yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak," ujarnya.

Tambah Yang Berhormat Menteri lagi, salah satu cara pembelajaran yang sangat efektif juga adalah melalui *enquiry base learning* ataupun pembelajaran berasaskan *enquiry*, seperti soal jawab di dalam bilik darjah dan sebagainya.

AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENCAPAIAN SASARAN KPI GCE PERINGKAT 'O' BERDASARKAN PENILAIAN SIMULASI



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Semasa meletakkan 60% sebagai KPI GCE 'O' Level itu, ia dibuat menggunakan simulasi ataupun *trend line*. Pada ketika itu, memang kita mengharapkan sebanyak 30% pelajar sampai ke *tertiary education*.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan dengan Petunjuk Prestasi Utama

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

peratus pelajar yang lulus dan BC-GCE 'O' Level dengan 5 'O' Level dan ke atas yang mana sasaran bagi tahun 2023/2024 adalah sebanyak 60%.

Pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman terdahulu juga menambah, dalam keputusan BC-GCE 'O' Level baru-baru ini, nampaknya sasaran ini tidak dapat dicapai.

"Keputusan yang dicapai hanyalah 43% berbanding 60% dalam sasaran. Kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengapa sasaran ini tidak dapat dicapai dan apakah langkah-langkah strategik Kementerian Pendidikan untuk mencapai sasaran ini?" tambah Yang Berhormat.

Dalam menjawab persoalan

tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan lagi, *year in, year out* memang *kitani* tidak dapat mencapai sasaran tersebut. Jadinya apabila kiranya macam anggaran dalam 19% ke 20% sahaja yang sampai ke *tertiary education* dan apabila *kitani simulate that pool kitani* dapat 20% itu adalah berdasarkan keramaian pelajar-pelajar *kitani* yang lulus dengan 5 'O' Level Credit pada peringkat 'O'.

"Jadinya di *sanatah*, kalau *kitani* membuat simulasi kalau 30% di *tertiary education*, berapakah *pool*, berapakah ramainya orang dalam *pool* 5 'O' Level itu yang dapat mesti *kitani* ada supaya mereka dapat lulus 'A' Level dan seterusnya ke *tertiary education*.

"*That is why kitani* berangan-angan besar supaya dapat pelajar-pelajar itu, 60% daripada pelajar-pelajar *kitani* dapat 5 'O' Level supaya *kitani* dapat mencapai merealisasikan 30% pelajar-pelajar *kitani* sampai ke *tertiary education*. *But having said that*, memang inilah satu cabaran yang paling besar macam *kitani* seolah-olah telock kenapa sampai saat-saat ini *kitani* masih belum mencapai 60% itu," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat Menteri pendidikan, kalau *kitani* melihat data, *kitani* daripada dulu daripada 33% memang ada peningkatan namun peningkatan itu ada tapi tidak terlalu besar.

"Misalnya daripada tahun 2009, 33% dan *it took us almost* dua dekad untuk mencapai ia sampai ke 40%. Jadinya memang *kitani* terpaksa bekerja keras lagi supaya pelajar-pelajar *kitani* yang dapat mencapai 5 'O' Level itu melimpasi 40%, melimpasi 50%

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

dan sampai mencapai 60%," tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan, walaupun Peperiksaan GCE 'O' Level itu nampak menurun kerana pada tahun 2021, *results 'O' Level kitani* adalah tinggi.

Tetapi di sana tidak dapat dijadikan sebagai perbandingan kerana cara penilaian adalah lain daripada yang selalu diamalkan.

Pada tahun tersebut, peperiksaan tersebut dinamakan SAG atau pun Student Assess Grade jadi ia menggunakan *continuous assessment* pelajar itu, itu yang dinilai dan ia punya 'O' Level adalah meningkat hingga kalau peringkat nasional 56%, 56.48% dan juga kalau peringkat sekolah adalah 56.48%, sama nasional dan sekolah sebab masa SAG itu tidak ada *private candidates*. Tetapi ia menurun pada tahun 2022 ke 45.83%, ia punya penurunan itu sangat *steep*.

"*If I can show you the graph, can see* penurunan itu sangat *steep* di sini tetapi apabila sudah tahun 2024 *if you can see*, ia punya walaupun penurunan tetapi ia punya *gradient is much less than this one*.

So ertinya, *we are almost* kembali kepada trend asal pada 10 tahun kebelakangan. This is for 'O' Level, 'A' Level, dan juga PSR. *You can see* semasa ini, *kitani* kalau PSR meningkat, tetapi 'A' Level ia punya *gradient* sama jua, tidak se*steep* semasa selepas COVID-19 hari itu," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Peningkatan terbaik adalah dalam Computer Science dan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

juga Geography dan prestasi yang menurun adalah seperti Food and Nutrition, lebih 10% menurun, Business Studies, Agriculture, Travel and Tourism dan kalau kurang daripada 10%, Art and Design dan sebagainya.

"Kalau *kitani* amat-amat subjek-subjek ini, *these are the non-sciences*, kebanyakannya *the non-sciences* ertinya yang peningkatan terbaik di Computer Science dan Geography, *the non-sciences* Food and Nutrition, Business Studies, ia memerlukan banyak *hands-on* so they are *affected* tetapi kenapa ia *affected* itu, perkara ini akan diselidiki lagi kenapa kerana banyak data-data yang perlu di *triangulate* lagi sebelum pihak kementerian dapat mengusulkan apa sebenarnya yang telah menyebabkan penurunan tersebut, walaupun penurunan itu tidak seteruk penurunan pada tahun lepas.

PENINGKATAN terbaik adalah dalam Computer Science dan juga Geography dan prestasi yang menurun adalah seperti Food and Nutrition, lebih 10% menurun, Business Studies, Agriculture, Travel and Tourism dan kalau kurang daripada 10%, Art and Design dan sebagainya.

Penaiktarafan infrastruktur sistem rangkaian, pengurusan rekod sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan mengenai *output* sasaran yang akan didapati daripada projek 1213-021 Government School Network Infrastructure Upgrade Phase 2 dan 1213-023 School Enterprise Resource Planning System.

Bagi menjawab persoalan tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan Government School Network Infrastructure Upgrade, Phase 2 adalah penaiktarafan infrastruktur rangkaian sekolah kerajaan bagi 153 buah sekolah, iaitu 26 buah sekolah menengah dan 79 buah sekolah rendah.

Keseluruhannya adalah untuk menaik taraf prasarana rangkaian bagi 153 buah sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi, mungkin pada masa ini, sekolah-sekolah mempunyai Wi-Fi tetapi tidak

meliputi keseluruhan kawasan sekolah itu. Mungkin ada Wi-Fi di *admin block* saja atau IT *block* saja tetapi bukan di bangunan yang lain-lain seperti bangunan *classroom* dan sebagainya.

"Ini memang kalau *kitani* kan menggunakan *mesh* yang *kitani* pakai di rumah, *the router* itu mungkin boleh digunakan tapi kalau *kitani* menggunakan *router* ini, *kitani* inda dapat mengawal kandungan yang kanak-kanak boleh layari di YouTube atau laman sesawang lain yang boleh dibuka. Jadinya, *kitani* terpaksa menggunakan infrastruktur yang bersesuaian supaya *kitani* dapat melihat dan *memblock* apa laman-laman yang bersesuaian

untuk pembelajaran yang dapat diakses di sekolah," tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Mengenai dengan School Enterprise Resource Planning System, jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, ia adalah penyediaan satu sistem maklumat untuk penyimpanan dan pengurusan rekod dan data pelajar, tenaga-tenaga pengajar, maklumat mengenai dengan sekolah-sekolah serta melaksanakan penilaian pelajar-pelajar di sekolah secara *online*.

"Sistem ini adalah pengumpulan kepada empat sistem iaitu *student information system*, *educator management system*,

assessment management system dan *school management system*.

"Kalau dulu, sistem ini akan dibuat secara berasingan dan kalau ditemukan menggunakan *application programming interface* atau pun API, tetapi oleh kerana ia lebih baik untuk satu sistem menggabungkan ke empat-empat ini, ertinya *kitani* tidak perlu lagi menggunakan API itu.

"Walaupun bagaimanapun, API akan tetap juga digunakan bagi sistem ini untuk berhubung dengan sistem yang lebih besar yang lain daripada sistem yang telah kaola *mention* tadi," tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MEMASTIKAN PENDIDIKAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS TERJAMIN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. – Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pendidikan Khas di kedua-dua kementerian tersebut dalam memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan atau persekolahan mereka.

Menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantau



perkara ini.

“Antara tiga perkara penting yang dilihat adalah dari segi kurikulum dan penjadualan, tenaga pendidik khas dan juga prasarana dan sumber. Ini adalah bagi Priority Level 1 dan Priority Level 3, iaitu yang *diagnostic mild and moderate* yang berada di sekolah awam dan juga swasta.

“Bagi kurikulum dan penjadualan, ini adalah gabungan kurikulum Pendidikan Islam dan kurikulum Pendidikan Khas Ugama dengan mengambil kira jumlah waktu mengajar, kemahiran atau *demand* yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, pengukuran dan juga penilaian.

“Manakala bagi tenaga pendidik khas, ia akan dipantau melalui aktiviti-aktiviti meningkatkan kapasiti para guru. Prasarana dan sumber pula adalah dengan memantau penyediaan sumber-sumber yang bersesuaian bagi kanak-kanak berkenaan,” jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa merespons

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.

kepada soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menjawab persoalan jika pelajar-pelajar tersebut mesti memenuhi pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 iaitu umur wajib bersekolah berumur 6 tahun ke 5 tahun, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa sebelum Akta Pendidikan Wajib, memang ada pelajar-pelajar yang berkeperluan khas telah mengikuti pendidikan awal kanak-kanak seawal umur 5 tahun ke sekolah-sekolah.

“Ertinya, *they go to school* walaupun masa itu belum lagi diwajibkan. Tidak menjadi masalah *they go to school*. Apatah lagi sekarang dengan pindaan Akta Pendidikan Wajib ini, 5 tahun sudah diwajibkan bersekolah. Bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas, *yes they go to school*,” terang Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengongsikan bahawa seramai

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

59 orang pelajar telah memulakan pembelajaran di Sekolah Khas pertama yang telah mula beroperasi pada awal Januari 2024.

Sekolah-sekolah khas tersebut jelas Yang Berhormat adalah bagi pelajar yang mempunyai *priority level* (PL) yang tinggi, 4 atau pun 5.

“Sebenarnya ada 5 priority level. Yang pertama adalah *diagnostik*, kedua *mild*, ketiga *moderate*, keempat *severe* dan kelima adalah *profound*. Ertinya PL 4 dan 5 ini adalah yang *severe* dan *profound*, yang sebenarnya menjadi kesukaran jika mereka berada di sekolah inklusif ataupun sekolah kerajaan awam dan swasta, dengan tertubuhnya sekolah swasta ini yang PL4 dan PL5 dapatlah dihantar ke sana.

“Oleh kerana ia masih baru mungkin keramaian pelajaranya



di sekolah ini belum ramai, saya dimaklumkan masih dalam 59 orang pelajar telah memulakan pembelajaran di sana mungkin kalau meningkat lagi kapasiti atau keramaian guru boleh dipertingkatkan lagi keramaian pelajar-pelajar itu. Sekolah ini beroperasi 5 hari dalam seminggu, hari Isnin hingga hari Jumaat mulai pukul 8.30 pagi - 12.30 tengah hari,” jelas Yang Berhormat menambah.

GES kenal pasti status pekerjaan lepasan graduan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Persoalan mengenai adakah Kementerian Pendidikan melaksanakan kaji selidik bagi mengetahui keberadaan para graduan yang menamatkan pengajian setiap tahun sama ada mereka bekerja atau sebaliknya juga ditimbulkan pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Semasa merespons kepada soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman



bin Haji Nasir itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi memang melaksanakan kajian tahunan iaitu Graduate Employment Survey (GES) yang mengenal pasti status pekerjaan graduan dari Institusi Pendidikan Teknikal dan Pengajian Tinggi awam dan swasta enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian mereka.

Sehingga kini menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Jabatan Pengajian Tinggi telah menjalankan tiga kajian iaitu bagi Kohort 2019, 2020 dan juga Kohort 2021.

Secara keseluruhannya bagi Kohort 2019 jelas Yang

Berhormat, kira-kira 66.4 peratus yang telah bekerja, manakala bagi Kohort 2020, sebanyak 67.8 peratus dan Kohort 2021 sebanyak 76 peratus yang sudah bekerja.

“Data ini menunjukkan ada peningkatan graduan-graduan yang telah bekerja daripada Kohort 2019 tadi ke 2020 dan juga 2021,” tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

SECARA keseluruhannya bagi Kohort 2019 jelas Yang Berhormat, kira-kira 66.4 peratus yang telah bekerja, manakala bagi Kohort 2020, sebanyak 67.8 peratus dan Kohort 2021 sebanyak 76 peratus yang sudah bekerja.



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



JPES BERTANGGUNGJAWAB KUAT KUASAKAN AKTA KAWALAN HARGA

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Jabatan Perancangan, Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna memang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 merangkumi skop kerja kawalan harga, paparan tanda harga dan acara jualan murah.

Melalui pindaan ke atas akta yang tersebut, pihak JPES juga diberikan kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan di bawah penetapan harga maksimum bermusim sejak 2021.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata demikian pada menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai dengan tindakan yang diambil bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 khususnya kawalan harga semasa musim perayaan.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata Bab 10(a) di

bawah akta tersebut, JPES diberi kuasa untuk mengenakan denda kompaun dikeluarkan secara berperingkat mengikut kekerapan kesalahan dengan jumlah tidak melebihi BND1,000.

Jelas Yang Berhormat Menteri lagi, bagi kesalahan pertama, di bawah kategori di bawah kesalahan yang sama, notis amaran akan dikeluarkan, bagi kesalahan seterusnya denda kompaun akan dikeluarkan secara berperingkat tidak melebihi BND1,000.

Jika masih melakukan kesalahan berulang, kata Yang Berhormat Menteri, boleh dikenakan denda maksimum BND20 ribu dan penjara lima tahun oleh mahkamah menurut Akta Kawalan Harga.

"Walaupun bagaimanapun, setakat ini belum ada kesalahan berulang yang dihadapi ke mahkamah.

"Pihak JPES pada masa ini sedang mereview semula tatacara berkenaan bagi penguatkuasaan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

akta berkenaan," kata Yang Berhormat Menteri lagi pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

**"WALAU bagaimanapun, setakat ini belum ada kesalahan berulang yang dihadapi ke mahkamah.
"Pihak JPES pada masa ini sedang mereview semula tatacara berkenaan bagi penguatkuasaan akta berkenaan," kata Yang Berhormat Menteri lagi pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.**

FDI beri impak positif kepada peniaga tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Setiap FDI yang datang ke dalam negeri, memang mempunyai impak positif kepada peniaga tempatan tertakluk sama ada ia *direct benefit* mahupun *indirect benefit*.

"Pada hari itu ada kaola melihat tetapi jumlah ini perlu dikemaskinikan lagi.

"Jadi kalau *direct* atau *indirect*, Hengyi itu memanfaatkan sekurang-kurangnya 60 syarikat tempatan yang ada.

"Ini jumlah yang tahun lepas," ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara itu bagi menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, pada persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata, ada kalanya Hengyi memerlukan sebahagian perkhidmatan-perkhidmatan yang belum dapat dijalankan oleh syarikat tempatan.

Jadi tambah Yang Berhormat Menteri, Hengyi membawa rakan kongsi dari negara lain untuk membuat *joint venture* dengan syarikat tempatan supaya mereka dapat menubuhkan satu perkhidmatan yang baharu supaya apa *services* yang diperlukan oleh Hengyi dapat dilaksanakan dalam negeri, tidak perlu kita menghantar barang itu keluar untuk diservice sebelum dikembalikan ke dalam negeri.

Beberapa *direct benefit* yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah seperti *catering*, *security services*, *transport* dan sebagainya.

Manakala, *indirect benefit* itu jelas Yang Berhormat Menteri, adalah seperti *joint venture* dan sebagainya yang mana ini memang satu usaha yang dapat untuk kita tingkatkan lagi.

Bagi Hengyi dan mana-mana FDI jelas Yang Berhormat Menteri, mereka lebih memilih untuk dapat bekerjasama dengan syarikat tempatan kerana ia lebih murah daripada barang itu dihantar ke luar negeri dan dikembalikan semula ke dalam negeri selepas servis dan sebagainya.

Sementara itu, bagi menjawab persoalan mengenai Darussalam Asset Sdn. Bhd., Yang Berhormat Menteri menegaskan kita perlu memahami sebab Darussalam Asset Sdn. Bhd. itu ditubuhkan pada 2012.

"Sebelum itu, kebanyakan GLC's kita tidak *submit annual report* dan sebagainya, *corporate filing* kurang memuaskan.

"Inilah salah satu usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengambil alih kebanyakan GLC's ini supaya dapat kita meningkatkan lagi bukan sahaja laporan tahunan dan sebagainya, bahkan meningkatkan *governance*, *board of directors*, *trainings* dan sebagainya.

"Jika kita hendak melihat dari segi *efficiency*, impak kepada negeri, mungkin syarikat yang dapat kaola kongsi ini ialah UNN," ujar Yang Berhormat Menteri.

Kalau kita lihat kata Yang Berhormat Menteri, *services mobile speed* pada tahap 10 ke

atas dalam dunia pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata kita *roll out* 5G yang banyak negeri belum terdapat dan kita punya *penetration* kepada *community* sampai lebih 90 peratus.

"Inilah pencapaian kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, mungkin banyak negeri contoh negeri maju pun tidak dapat *dicompare* dengan kita.

"Jadi kalau dari segi perkhidmatan *connectivity* dan sebagainya, kita *compare* dengan antarabangsa, *mobile speed top 10*, *top 1* in ASEAN, itulah mungkin satu perbandingan kita boleh buat.

"Kalau kita *compare* dengan *revenue*, memang negeri kecil, penduduk berapa orang sahaja, jadi tidak dapat dibandingkan dengan Vodafone dan sebagainya," tambah Yang Berhormat Menteri.

Menjawab mengenai persoalan berapa syarikat yang menguntungkan Darussalam Assets Sdn. Bhd, Yang Berhormat Menteri berkata memang ada satu

statistik yang dibuat, bukan sahaja syarikat mana yang untung, kita monitor juga syarikat mana yang mampu membayar dividen kepada kerajaan.

Yang mana syarikat jelas Yang Berhormat Menteri, walaupun ia tidak membayar dividen, sama ada ia sudah di tahap *solvency*, *liquidity* yang memuaskan, kita juga monitor apakah ia punya *dividend projection* yang akan dapat diberi kepada kerajaan.

"Jadi audit status dan sebahagian ini macam-macam kita memantau.

"Inilah tujuan kenapa Darussalam Assets Sdn. Bhd. itu ditubuhkan pada 2012 sehingga sekarang ini.

"Kita dapat melihat peningkatan setiap tahun jadi secara amnya kita tiap-tiap tahun memberikan dividen kepada kerajaan.

"Darussalam Assets Sdn. Bhd. sebagai satu *holding company* tidak lagi meminta *funding* daripada kerajaan.

"Kebanyakan *company* di negara ini nampak sudah ada keuntungan, jadi ini diteruskan dan memang kita mahu kita punya

GLC's terus ada keuntungan supaya dapat membayar dividen kepada kerajaan, tidak memerlukan *injection* daripada kerajaan, inilah satu pencapaian kaola rasa Darussalam Asset Sdn. Bhd. *has done good job so far*," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

"INILAH salah satu usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengambil alih kebanyakan GLC's ini supaya dapat kita meningkatkan lagi bukan sahaja laporan tahunan dan sebagainya, bahkan meningkatkan *governance*, *board of directors*, *trainings* dan sebagainya.

"Jika kita hendak melihat dari segi *efficiency*, impak kepada negeri, mungkin syarikat yang dapat kaola kongsi ini ialah UNN," ujar Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat kata Yang Berhormat Menteri, *services mobile speed* pada tahap 10 ke atas dalam dunia pada masa ini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENAMBAHBAIKAN TAFIS 2.0 DIKONGSIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsi beberapa penambahbaikan kepada TAFIS 2.0 daripada TAFIS 1.0 bagi orang ramai khususnya bagi pembekal-pembekal kerajaan adalah juga satu tambahan satu portal baharu dikenalkan sebagai Government Vendor Portal.

Antara kelebihan dan kebajikannya adalah orang ramai atau pembekal akan dapat

memantau status tuntutan dan pembayaran dari *dashboard* yang disediakan dalam portal tersebut.

Perkongsiannya tersebut dibuat bagi menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai penambahbaikan sistem TAFIS 2.0 pada persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Yang Berhormat Menteri menambah, *dashboard* adalah salah satu fungsi baharu yang dihasratkan untuk membantu dalam meningkatkan ketulusan, keberkesanan dan akauntabiliti setiap Kementerian dan jabatan dalam proses tuntutan dan pembayaran orang ramai.

TAFIS 2.0 juga kata Yang Berhormat Menteri, melalui *dashboard* ini, dapat diakses pada bila-bila masa, 24 jam dan mengurangkan keperluan orang ramai ke kaunter Kementerian dan jabatan hanya untuk mengetahui status pembayaran.

Melalui TAFIS 2.0 ini juga tambah Yang Berhormat Menteri, orang ramai atau pembekal akan dapat mengemas kini status penghantaran

dan pengeluaran tuntutan invoice secara dalam talian tambahan lagi orang ramai juga akan menerima notifikasi secara dalam talian dalam TAFIS 2.0 dari Kementerian dan jabatan mengenai dengan *goods and services received*.

TAFIS 2.0 melalui Government Vendor Portal ini juga ujar Yang Berhormat Menteri, akan digunakan untuk proses sebut harga dan tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian dan jabatan.

"Fungsi baharu ini akan dapat memudahkan lagi penender untuk menghadapkan harga dan dokumen teknikal secara dalam talian.

"Untuk makluman juga, perkara ini akan dibarigakan kepada orang ramai khususnya kepada

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

pembekal-pembekal yang akan berdaftar dalam TAFIS 2.0 pada 18 Mac 2024 hingga 23 Mac 2024.

"Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut mengenainya melalui media-media masa Kementerian Kewangan dan Ekonomi nanti," Kata Yang Berhormat Menteri.

Menyentuh mengenai soalan kedua daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah mengenai dengan memastikan pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkaitan dalam hal ehwal pengurusan TAFIS 2.0 ini, Yang Berhormat Menteri berkata, sejak 3 hingga 4 bulan yang lalu sehingga kini,

latihan secara berperingkat-peringkat sedang giat dilaksanakan oleh Jabatan Perbendaharaan berdasarkan *road mapping* yang dihadapkan oleh setiap Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

"Menjawab mengenai peruntukkan latihan dalam TAFIS 2.0, ia sudah pun disediakan dalam skop kerja pelaksanaan Projek Sistem TAFIS 2.0 yang mana sejumlah lebih 900 ribu telah pun disediakan khusus untuk latihan bagi penggunaan sistem ini," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

MELALUI TAFIS 2.0 ini juga tambah Yang Berhormat Menteri, orang ramai atau pembekal akan dapat mengemas kini status penghantaran dan pengeluaran tuntutan invoice secara dalam talian tambahan lagi orang ramai juga akan menerima notifikasi secara dalam talian dalam TAFIS 2.0 dari Kementerian dan jabatan mengenai dengan *goods and services received*. TAFIS 2.0 melalui Government Vendor Portal ini juga ujar Yang Berhormat Menteri, akan digunakan untuk proses sebut harga dan tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian dan jabatan.

Ketahui jenis barangan yang dibeli di luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Untuk melihat senario berbelanja di luar negeri, kita mesti faham jenis barangan yang sentiasa dibeli orang ramai di luar negeri.

Bukan semua barangan di negara jiran adalah yang lebih murah daripada negara kita, ada sebahagian barangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) lebih murah jika dibandingkan dengan negara jiran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata

demikian ketika menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya berkata kita perlu faham apa sebenarnya barangan yang mereka beli setiap minggu, bulan dan sebagainya.

Kalau disediakan baucar, Yang Berhormat kuarir ia tidak akan dapat mengatasi isu tersebut.

"Negara jiran membagi baucar untuk mengatasi isu *inflation* ataupun cara menolong golongan yang berpendapatan rendah dan sebagainya.

"Apabila mereka hendak berbelanja, mereka belanja di kedai dalam negeri dan jadi, untuk mengatasi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, kita bagi baucar, mungkin tidak dapat mengatasi isu.

"Kalau kita bagi baucar, sama juga halnya, baucar digunakan untuk beli barang-barang yang mungkin lebih murah dari negara jiran dan jadi, masih juga mereka keluar negeri untuk membelanjai

barangan di negara jiran yang lebih murah daripada negara kita," jelas Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri berpendapat kita perlu melihat apa produk yang lebih murah di negara jiran, yang kita mungkin boleh bekerjasama dengan *distributors* seperti untuk mengetahui adakah *volume* kita tidak besar dibandingkan dengan negara jiran?.

Barangan yang mungkin *manufactured* di negara jiran jelas Yang Berhormat Menteri, jika didatangkan ke NBD dengan harga pengangkutan dan sebagainya, harganya lebih tinggi.

"Kita juga boleh

bekerjasama dengan *wholesale distributors*, melihat *cost of goods*, *potential margin* *because* kalau *wholesaler* itu masih lagi menahan-nahan margin keuntungannya, maka barang itu harganya tinggi menyebabkan orang ramai keluar negeri," tegas Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri juga turut berkata ini juga tidak mendatangkan faedah kepada *wholesaler*, dan kalau *wholesaler* itu ingin menggalakkan orang ramai membeli dalam negeri, mungkin mereka perlu melihat margin, keuntungannya dan juga mengenal pasti barangan yang lebih mahal di dalam negeri ini.

"Sebenarnya dalam perkara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada bekerjasama dengan National Chamber of Commerce & Industry of Brunei Darussalam.

"Ada hasilnya tetapi belum lagi lengkap.

"Baru *initial study* so that kita lebih faham apa sebenarnya yang menarik orang kita ke luar negeri untuk berbelanja di negara jiran.

"Itulah satu usaha di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk mengatasi isu ini," ujar Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya berkata kita perlu faham apa sebenarnya barangan yang mereka beli setiap minggu, bulan dan sebagainya.
Kalau disediakan baucar, Yang Berhormat kuarir ia tidak akan dapat mengatasi isu tersebut.
"Negara jiran membagi baucar untuk mengatasi isu 'inflation' ataupun cara menolong golongan yang berpendapatan rendah dan sebagainya.
"Apabila mereka hendak berbelanja, mereka belanja di kedai dalam negeri dan jadi, untuk mengatasi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, kita bagi baucar, mungkin tidak dapat mengatasi isu.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, cara mengira Foreign Direct Investments (FDI) ini bukan dikira berapa jumlah masuk sahaja pada tahun tersebut bahkan ia juga mengira syarikat yang sudah beroperasi di dalam negara tersebut yang mana sekiranya syarikat tersebut ada pinjaman dari institusi kewangan dari luar negeri, jadi pembayaran *principal repayment* atau *interest payment*, pengiraan FDI inilah yang diambil kira yang mana pembayaran keluar itu dikira *outflow of FDI*.

"Kalau sekiranya mengambil contoh satu FDI yang melabur sekiranya satu bilion dalam negara ini, jadi pada tahun itu, ia satu bilion mungkin ada *equity investment* mungkin ada juga *financing* yang jumlahnya satu bilion, jadi sudah datang operasi pada tahun kemudian,

TINGKAT KEMAHIRAN PEKERJA UNTUK MENARIK FDI

ada keuntungan dan sebahagian keuntungan itu dibayar sebagai *principal repayment* kepada institusi kewangan di luar negeri itu dikira *outflow of FDI*.

"Sekiranya ia membayar dividen balik ke *parent company* di luar negeri, itu pun dikira FDI *outflow*. Kalau *kitani* lihat ia negatif FDI, *its because of* kebanyakan syarikat FDI yang telah beroperasi di Brunei ini *bisdurang* sudah beroperasi beberapa tahun di dalam negeri *kitani* dan sudah ada keuntungan dari keuntungan, keuntungan itu dibayar keluar balik ke institusi kewangan di luar negeri ataupun dividen dibayar balik ke *parent company*, itulah dijadikan negatif *kitani* punya FDI," jelas Yang Berhormat ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai laporan FDI dari Laporan Pelaburan ASEAN 2023.

Tapi apa yang penting, tegas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi, kita tidak perlu mengambil bulat-bulat dari data tersebut, yang penting usaha kita untuk meneruskan dan menarik lebih banyak FDI ke dalam negara.

"Kalau ada isu memang beberapa cabaran dibandingkan dengan negara-negara lain. Domestic Market *kitani* kecil, *qualification* kadang-kadang *mismatch* seumpamanya *kitani* membawa Hengyi Refinery as *example*, jadi berapa orang *kitani* sebelum itu yang *qualify* dalam

refinery belum *kitani* buat di industri itu belum terlibat, yang ada sebelum itu hanya *refinery* di Seria yang kecil sangat selain daripada Syarikat Hengyi seumpamanya.

"Ini *kitani* akan menarik lagi FDI dalam berbagai-bagai industri yang mungkin *kitani* belum pernah terlibat. Jadi ini isu *kitani* mesti menyediakan pekerja-pekerja yang lebih bersesuaian dengan beberapa bidang sektor-sektor yang *kitani* majukan. Itulah yang *kitani* punya fokus yang ketiga *kitani* meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran pekerja-pekerja *kitani*," jelas Yang Berhormat lagi pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Apa yang perlu dibuat kata Yang Berhormat, kita tidak fokus kepada kursus tertentu tetapi kita tetap menyediakan *foundation* dan sesudah ada FDI datang dalam mana saja bidangnya, sekurang-kurangnya ada *foundation* seperti TVET, HND dan sebagainya.

"Jadi kalau sudah industri datang seumpamanya Hengyi *for example* yang datang ke sini *kitani* membuat *course kitani* berkerjasama dengan Hengyi mengadakan pada masa ini sebanyak lapan kursus dan TVET, HND dengan Politeknik Brunei dan IBTE.

Jadi buat-buat itu *kitani* dapat train orang *kitani*, jadi sudah *bisdurang* pass, Hengyi pada masa *offer* siapa saja yang pass terus akan diambil kerja. Tidak lagi

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

perlu *diinterview* dan sebagainya. Inilah peluang-peluang *kitani* itulah *try to take advantage*. *Kitani* ada di mana mana sepertimana negeri lain *kitani* juga ada *strength and weaknes's*. Yang *kitani* inda dapat, *kitani* sentiasa *compare* dengan orang lain tapi apa yang penting *kitani* terus berusaha untuk meningkatkan banyak lagi FDI, inilah kerjasama daripada semua pihak perlulah *kitani* bersatu.

Jadi, tekan Yang Berhormat di sinilah peranan *private sector* untuk sama-sama memajukan ataupun memainkan peranan untuk menarik FDI.

Yang Berhormat juga pernah mengongsikan membangunkan

ekonomi bukan seratus peratus di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kementerian-kementerian lain dan sama juga pihak swasta, sama-sama memainkan peranan penting meningkatkan, mempelbagaikan lagi ekonomi negara.

"Kalau ada yang kurang maklumat daripada pihak swasta atau yang mana-mana pihak, boleh *kitani* jumpa BEDB untuk mendapatkan maklumat, AMBD dan DARE juga selalu mengongsikan seperti Economic Blueprint, apa sebenarnya *kitani* punya *priorities sector*, apa *kitani* akan mengharap *private sector* memainkan peranan dan sebagainya," ujar Yang Berhormat lagi.

"Ini kitani akan menarik lagi FDI dalam berbagai-bagai industri yang mungkin kitani belum pernah terlibat. Jadi ini isu kitani mesti menyediakan pekerja-pekerja yang lebih bersesuaian dengan beberapa bidang sektor-sektor yang kitani majukan. Itulah yang kitani punya fokus yang ketiga kitani meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran pekerja-pekerja kitani," jelas Yang Berhormat lagi pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Sentiasa kongsi perincian dengan syarikat swasta

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan mengenai Foreign Direct Investments (FDI) yang ada pada masa ini telah dapat menembusi pasaran Mexico, Chile, Peru dan itu disebabkan oleh baja BFI.

"Jadi mungkin bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), FDI ini belum lagi mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya, jadi untuk membuat persediaan memang kita sentiasa mengongsikan perincian mereka dengan sektor swasta. Jadi walaupun sekiranya PMKS kita belum bersedia untuk memanfaatkan FDI ini, kita tidak perlu risau, FDI ini tidak akan pergi ke mana-mana dan akan kekal di sana.

"Sudah bila PMKS kita sedia untuk mengeksport, gunakanlah FDI itu, ia tidak akan lari ke mana-mana. Apa yang akan terjadi mungkin FDI ini akan meningkat lagi dari semasa ke semasa

dan inilah yang Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa mengongsikan dengan pihak swasta, jadi kalau sekiranya mana-mana pihak akan bertanya lebih mendalam, boleh menghubungi Kementerian Kewangan dan Ekonomi," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika menjawab isu yang disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin untuk melibatkan sektor swasta secara aktif untuk melengkapi usaha kerajaan dalam mencapai sasaran FDI.

Seterusnya mengenai dengan

"JADI mungkin bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), FDI ini belum lagi mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya, jadi untuk membuat persediaan memang kita sentiasa mengongsikan perincian mereka dengan sektor swasta.

Jadi walaupun sekiranya PMKS kita belum bersedia untuk memanfaatkan FDI ini, kita tidak perlu risau, FDI ini tidak akan pergi ke mana-mana dan akan kekal di sana.

kutipan hasil daripada syarikat luar negeri, Yang Berhormat Menteri juga mengongsikan yang mana syarikat luar negeri sebelum mereka hendak menjalankan perniagaan di dalam negeri, mestilah mendaftar syarikat dengan Registry of Companies and Business Names Division (ROCBN) di Negara Brunei Darussalam.

Selepas mereka mendaftar, jelas Yang Berhormat, syarikat tersebut dikira Brunei *local company* dan bukan lagi *foreign company* dan sekiranya mereka mendaftar dan melibatkan *foreign company*, mestilah mereka mendaftar sebagai Sendirian Berhad (Sdn.

Bhd), jadi dengan sendirinya ia sebagai Sendirian Berhad di mana pada setiap tahun mereka mesti menyerahkan Annual Tax Return kepada Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dari sanalah negara mengutip cukai, *corporate tax* dan sebagainya.

"Jadi dari segi sama ada kita mengutip cukai yang perlu dibayar, memang Bahagian Hasil kalau dilihat pencapaian beberapa tahun kebelakangan, setiap tahun sudah nampak peningkatannya.

"Jadi ini memang satu usaha dijalankan dari beberapa tahun kebelakangan sudah dan bukan perkara yang baru dan memang usaha yang dijalankan *a long time ago*," ujar Yang Berhormat lagi pada hari ke-10 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai *tax collection*, pada masa ini yang ada ialah *corporate tax* dan *withholding tax*.

Jelas Yang Berhormat lagi,



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

cukai-cukai seperti di negara lain itu memang tidak ada pada masa ini sepertimana beberapa cukai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman.

Yang Berhormat menegaskan lagi, sebelum kita memikirkan sama ada cukai-cukai tersebut boleh *diimplement* di negara ini, kita harus juga memikirkan implikasinya terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah akan tetapi perkara ini akan terus disemak oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PASTIKAN SUMBER MANUSIA MEMPUNYAI KEMAHIRAN, KEPAKARAN KOMPREHENSIF

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah beroperasi mengikut bajet dan perjawatan yang telah diperuntukkan.

Pada masa ini, dari segi kakitangan kementerian mempunyai di dalam negara dan luar negara seramai 578 orang dan dalam negara berjumlah 403 orang dan di luar negara seramai 175 orang.

Demikian yang dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof bagi menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji

Awang Suyoi bin Haji Osman pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi ingin tahu adakah pegawai dan kakitangan mencukupi untuk membuat kerja substantif selain kerja logistik.

"Jadinya dalam keadaan ideal, memanglah kementerian sangat mengalu-alukan penambahan pegawai dan kakitangan.

"Walau bagaimanapun, dari segi pragmatik, pendekatan kementerian seboleh-bolehnya beroperasi dengan menggunakan sumber kemanusiaan yang sedia ada secara optimum.

"Kementerian sentiasa berusaha untuk mencari pendekatan bagi mendapatkan jawatan tambahan bagi menampung keperluan sumber-sumber manusia kementerian yang sentiasa progresif tetapi tertakluk pada keadaan sedia kala," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II lagi, walaupun jumlah diplomat dan kakitangan Negara Brunei Darussalam di luar negara tidak sebanyak negara-negara lain jika dibandingkan, tetapi kementerian

akan memastikan bahawa sumber manusia yang ada mempunyai kemahiran dan kepakaran komprehensif untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan efektif dan memastikan kepentingan negara sentiasa terjaga.

Secara keseluruhannya tambah Yang Berhormat, kementerian juga memastikan penyelarasan atau *coordination* yang lancar diadakan antara pihak perwakilan yang berada di luar negara dengan pihak kementerian supaya dapat memberi sokongan dan bimbingan yang diperlukan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.



ANTARA Ahli Yang Berhormat MMN yang hadir pada persidangan berkenaan.

"JADINYA dalam keadaan ideal, memanglah kementerian sangat mengalu-alukan penambahan pegawai dan kakitangan.

"Walau bagaimanapun, dari segi pragmatik, pendekatan kementerian seboleh-bolehnya beroperasi dengan menggunakan sumber kemanusiaan yang sedia ada secara optimum".



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang digunakan dipanggil Secure Sockets Layer (SSL), iaitu protokol keselamatan yang menyediakan *encryption protection* bagi melindungi privasi dan integriti semasa melayari dan penghantaran maklumat melalui e-Register.

Maklumat-maklumat peribadi yang dihantar oleh orang ramai

MAKLUMAT-maklumat peribadi yang dihantar oleh orang ramai diterima oleh Pegawai Konsular dan pejabat-pejabat perwakilan berdasarkan negara destinasi dan ia dikategorikan sebagai sulit dan bukan untuk dikongsikan bersama dengan agensi-agensi lain ataupun orang-orang yang tidak berkenaan.

diterima oleh Pegawai Konsular dan pejabat-pejabat perwakilan berdasarkan negara destinasi dan ia dikategorikan sebagai sulit dan bukan untuk dikongsikan bersama dengan agensi-agensi lain ataupun orang-orang yang tidak berkenaan.

Ini adalah salah satu cara pengawalan maklumat yang hanya

pegawai tersebut mempunyai akses kepada maklumat-maklumat berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang




SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan tersebut.

Chong Chin Yee pada hari ke-10 yang berlangsung di Dewan Mesyuarat Pertama dari Musim Persidangan MMN, Bangunan Permesyuaratan Ke-20, MMN Dewan Majlis, pagi tadi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KANSER serviks merupakan salah satu jenis kanser yang membimbangkan kaum perempuan kerana ia boleh menyebabkan kematian. Serviks ialah pangkal rahim yang menghubungkan rahim dengan faraj. Kanser serviks ini boleh dielakkan atau dikawal dengan melakukan pemeriksaan awal. Antara pemeriksaan awal yang boleh dilakukan ialah pemeriksaan PAP Smear (Papanicolaou examination). Pemeriksaan ini dilakukan dengan mengambil contoh sel dari serviks untuk penganalisaan.

Ketika melakukan pemeriksaan PAP Smear, doktor atau jururawat akan memasukkan spekulum iaitu alat yang berbentuk muncung itik bagi memudahkan doktor atau jururawat untuk membuka leher rahim dan melihat bahagian dalam faraj, serviks dan kawasan sekelilingnya serta mengambil sampel (sel dan lendir) menggunakan berus serviks yang dipanggil cytobrush atau menggunakan wooden spatula.

Oleh kerana alat-alat pemeriksaan dimasukkan ke dalam faraj sehingga

keseluruhan serviks, timbul persoalan adakah jika pemeriksaan PAP Smear itu dilakukan ketika sedang berpuasa akan membatalkan puasa perempuan tersebut? Berikut penjelasan mengenainya.

Memasukkan Sesuatu Ke Dalam Faraj Ketika Berpuasa

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab Raudhah ath-Thalibin ada menyebut:

Ertinya: "Antara perkara-perkara yang membatalkan puasa ialah masuk sesuatu ke dalam rongganya (orang yang berpuasa), dan mereka (para ulama asy-Syafi'i) telah menetapkan (sesuatu) yang masuk yang membatalkan puasa adalah dengan 'ain (benda) yang sampai (masuk) dari zahir hingga ke batin (rongga) pada lubang yang terbuka dengan sengahaja serta (seseorang itu) ingat bahawa (dia) sedang berpuasa".

Maksud "sesuatu" itu ialah apa jua benda sama ada ia sesuatu yang boleh dimakan sekalipun sedikit seperti biji lenga ataupun sesuatu yang tidak boleh dimakan seperti batu. Manakala rasa, bau, wap dan asap tidak termasuk dalam kategori benda yang dimaksudkan.

Manakala maksud "rongga" pula ialah apa iua yang dinamakan sebagai rongga (جوف), tidak kira sama ada ia mempunyai ruri untuk memproses makanan atau ubat ataupun tidak iaitu rongga otak dan di tenggorokan hingga ke rongga perut dan rongga usus. Termasuk juga dalam maksud rongga ialah batin telinga, pundi-pundi kencing, lubang tempat keluar air kencing lelaki dan lubang tempat keluar air susu.

Maksud "lubang terbuka" pula ialah tempat masuk atau keluar sesuatu, sama ada lubang itu wujud sejak lahir seperti mulut, hidung, telinga, qubul dan dubur lelaki mahupun perempuan ataupun lubang yang baru wujud seperti luka. Walau bagaimanapun sesuatu yang masuk melalui lubang terbuka disebabkan luka, maka hukum batal atau tidaknya puasa adalah tertakluk kepada sampai mana sesuatu itu masuk dan di mana tempat lubang luka

itu berada, sama ada luka pada anggota yang mempunyai rongga ataupun tidak. Ini kerana tempat kedudukan luka itu berada mempengaruhi hukum batal atau tidaknya puasa seseorang itu apabila dia menyapukan ubat padanya lalu sampai ke rongganya.

Mengenai faraj pula, ia termasuk dalam lubang terbuka sebagaimana dijelaskan di atas. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitab Mughni al-Muhtaj ada menyebutkan mengenai perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam faraj membatalkan puasa. Katanya:

Ertinya: "Dan hendaklah berhati-hati ketika istinja', jika dia memasukkan hujung jarinya ke duburnya batal puasanya, dan begitu juga hukum faraj perempuan".

Perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam faraj yang menyebabkan batal puasa perempuan itu ialah apabila sesuatu itu masuk ke had batin faraj. Sekiranya ia hanya berada di had zahir faraj, maka ia tidak membatalkan puasanya.

Had zahir faraj ialah bahagian yang nampak apabila perempuan duduk mencangkung ketika qadha hajat. Manakala bahagian yang tidak nampak pula adalah dikira batin faraj. Dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab ada disebut mengenai had zahir faraj iaitu:

"DAN hendaklah berhati-hati ketika istinja', jika dia memasukkan hujung jarinya ke duburnya batal puasanya, dan begitu juga hukum faraj perempuan".

Perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam faraj yang menyebabkan batal puasa perempuan itu ialah apabila sesuatu itu masuk ke had batin faraj. Sekiranya ia hanya berada di had zahir faraj, maka ia tidak membatalkan puasanya.

Ertinya: Berkata ashhabuna (para ulama asy-Syafi'i): "Dan hendaklah bagi perempuan yang berpuasa untuk tidak berlebih-lebihan dengan (memasukkan) jarinya ketika beristinja'." Mereka berkata: "Maka (bahagian) yang zahir dari farajnya ialah apabila dia duduk (mencangkung) untuk qadha hajat adalah dihukumkan (had) zahir, maka diwajibkan baginya membersihkannya (had zahir faraj) dan tidak melebihinya. Sekiranya dia melebihinya dengan memasukkan jarinya lebih dari itu, batal puasanya.

Oleh itu, melakukan pemeriksaan PAP Smear termasuk lain-lain pemeriksaan serviks yang perlu memasukkan alat-alat pemeriksaan ke dalam faraj seperti Vaginal Examination yang menggunakan kaedah memasukkan tangan dalam faraj untuk memeriksa serviks dan kawasan di dalamnya dan Transvaginal Ultra Sound yang perlu memasukkan alat ultrasonografi (USG) dalam faraj untuk memeriksa organ reproduktif dalaman perempuan adalah semuanya membatalkan puasa jika dilakukan dengan sengahaja serta tahu dia sedang berpuasa.

Demikian penjelasan mengenai perempuan yang melakukan pemeriksaan PAP Smear ketika berpuasa.

Tarawih menyempurnakan Ramadan

dengan penuh keimanan dan ikhlas mengharap ganjaran dari Allah, maka Allah mengampunkan segala dosanya yang telah lalu".

Sembahyang Sunat Tarawih ini dimulai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Nabawi. Ketika Baginda mengerjakan Sembahyang Tarawih di masjid itu, lalu para sahabat mengikutnya. Pada malam berikutnya Baginda mengerjakan lagi Sembahyang Tarawih di masjid dan para sahabat semakin ramai datang dan mengikutnya. Pada malam ketiganya lebih ramai para sahabat telah sedia menunggu ketibaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi Baginda tidak hadir. (Baginda mengerjakan Sembahyang Tarawih itu di rumah). Keesokan harinya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda kepada mereka : "Sesungguhnya aku melihat sambutan daripada kamu, aku tidak hadir pada malam itu hanya kerana takut sembahyang itu diwajibkan ke atas kamu".

Hukum Sembahyang Tarawih ialah sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut) bagi orang-orang Islam lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu keadaannya menjadi sempurna bagi ibadat puasa yang wajib dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan ia memang banyak ganjarannya. Mereka yang mengerjakan ibadat puasa di siang

hari tetapi tidak mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih pada malamnya, seolah-olah menjadi tawar dan hambar seperti mencapai kejayaan tetapi tiada kecemerlangan. Sesungguhnya sangatlah rugi bagi mereka yang berpuasa Ramadan tetapi tidak melengkapkannya dengan Sembahyang Sunat Tarawih.

Sembahyang ini tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi cara melakukannya adakalanya secaraendirian atau berjemaah tetapi afdal dikerjakan secara berjemaah kerana banyak kelebihan dan ganjaran yang dapat diperoleh. Sebagaimana yang diamalkan sendiri oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Sembahyang Sunat Tarawih boleh dikerjakan secara bersendirian ataupun berjemaah tetapi para ulama telah bersepakat bahawa Sembahyang Sunat Tarawih lebih afdal dikerjakan secara berjemaah.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Saiyidina Umar Al-Khattab, beliau berasa tidak senang hati melihat umat Islam berkelompok-kelompok di sana sini di dalam Masjid Nabawi mendirikan Sembahyang Sunat Tarawih. Beliau lalu berusaha menyatukan mereka supaya mendirikan Sembahyang Sunat Tarawih itu dalam satu sahaja jemaah yang lebih besar dengan diimamkan oleh seorang yang baik bacaannya. Perubahan yang dibawa oleh Khalifah

Saiyidina Umar Al-Khattab itu tidak mendatangkan anggapan bahawa Sembahyang Sunat Tarawih itu sebagai wajib. Demikian juga bilangan rakaat daripada lapan menjadi 20 rakaat tidak dianggap memberatkan mereka. Ini disebabkan pada zaman pemerintahan Khalifah Sayidina Umar itu, keadaan keilmuan agama semakin luas dan mendalam, suasana masyarakat umat Islam telah stabil. Mereka telah cukup memahami bahawa Sembahyang Tarawih itu hukumnya sunat muakkad, bukannya fardu atau wajib. Demikian juga mereka mengamalkan Sembahyang Sunat Tarawih 20 rakaat memandangkan faedah dan kelebihan pahalanya yang amat besar.

Sembahyang Sunat Tarawih dapat menghapuskan segala dosa yang dilakukan oleh seseorang. Kedudukan Sembahyang Tarawih lebih utama kedudukannya di bulan Ramadan. Maka amatlah rugi sekiranya umat Islam tidak memanfaatkan bulan yang penuh berkat dan mulia (bulan Ramadan) ini dengan berpuasa di siang hari, bertarawih pada malamnya kerana ianya hanya datang sekali dalam setahun. Rebutlah peluang ini untuk beribadat agar kita seluruh umat Islam dapat menikmati keberkatan serta ganjaran berlipat ganda dan supaya kita semua tergolong dalam orang-orang yang beriman dan dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

DARI segi lughah, Tarawih bermaksud duduk bersenang-senang atau beristirahat. Sembahyang Tarawih dari segi istilahnya pula bermaksud sembahyang sunat dengan rasa selesa, senang dan kelapangan hati setelah menunaikan Sembahyang Fardu Isyak. Pada lazimnya ia duduk berehat seketika setelah mengerjakan empat rakaat Sembahyang Sunat Tarawih sebelum ia disambung semula. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada umat Islam supaya mengisi masa terluang dengan ibadat-ibadat sunat di bulan Ramadan seperti Sembahyang Tarawih, Witr, membaca Al-Quran, berzikir dan lain-lain.

Sembahyang Tarawih juga disebut dengan Qiyamu Ramadan. Sembahyang ini dikerjakan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan waktunya berkekalan sehingga akhir malam. Hadis diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Barang siapa yang mengerjakan Qiyamu Ramadan (Sembahyang Tarawih)

Majlis Tahlil, Doa Arwah Sekampung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Ketua Kampung Putat menyempurnakan penyampaian derma kepada para penerima (atas dan kiri).

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian derma, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga selaku Ketua Kampung Putat.

Terdahulu, bacaan tahlil dan doa arwah diketuai oleh Ketua Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Haji Muhd Amaluddin bin Haji Jamaluddin.

Lebih 200 orang hadir terdiri daripada penduduk Kampung Jerudong 'A' dan 'B' ke majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Jerudong

JERUDONG, Isnin, 11 Mac. - Menjadi kelaziman sebelum tibanya bulan suci Ramadan, umat Islam di negara ini giat mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi memperingati saudara-saudara yang telah pergi dan mendoakan kesejahteraan mereka.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A', MPK Jerudong 'B', Persatuan Warisan Kedayan

Jerudong (WARISAN), Koperasi Serbaguna Persatuan Buhur (KSPB) dan Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga tidak ketinggalan untuk mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung yang diselajurkan dengan penyampaian derma kepada 34 keluarga kurang berkemampuan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam baru-baru ini.

MENGIMARAH MASJID DENGAN PROGRAM SEMARAK SUBUH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Masjid Sungai Hanching

SUNGAI HANCHING, Selasa, 12 Mac. - Suasana ketika menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Sungai Hanching dipenuhi dengan

jemaah dan ia akan menjadi satu petanda permulaan yang baik khususnya dalam menyambut kedatangan bulan Ramadan.

Program Semarak Subuh

yang diadakan di masjid berkenaan bukan sahaja mampu mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid, malah ia juga turut menjadikan masjid sebagai sebuah lokasi sehati yang menyatupadukan masyarakat.

Masyarakat daripada pelbagai lapisan sama ada penduduk yang tinggal berdekatan mahupun penduduk-penduduk yang lain berkumpul dan seterusnya menggalakkan mereka untuk pergi ke masjid bagi mendapatkan ilmu untuk manfaat bersama apatah lagi pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Hadir dalam sama-sama menyemarakkan lagi Program Semarak Subuh yang diadakan



SEKITAR Program Semarak Subuh di Masjid Sungai Hanching (kiri dan atas kanan).

12 das tembakan meriam tanda bermulanya puasa Ramadan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin


BERAKAS, Isnin, 11 Mac. - Bulan Ramadan akan mula memasuki kiraan bagi Tahun 1445 Hijrah sejurus Azan Sembahyang Fardu Maghrib berkumandang, sekitar jam 6.32 petang, berikutan hasil merukyah anak bulan Ramadan yang tidak kelihatan, pada lewat petang Ahad kelmarin.

Seakan menjadi tradisi saban tahun, iaitu setiap kali menjelang Ramadan di negara ini, sebanyak 12 das tembakan meriam dilepaskan sebagai tanda bermulanya umat Islam berpuasa Ramadan, pada keesokan harinya.

Pelepasan das tembakan meriam yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini, disempurnakan oleh para anggota Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



PELEPASAN das tembakan meriam yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin disempurnakan oleh anggota Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



di masjid berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman. Program Semarak Subuh turut diisikan dengan Bertadarus Al-Quran di masjid berkenaan malah ia merupakan antara kegiatan keagamaan yang menjadi pilihan umat Islam di sepanjang bulan Ramadan ini bagi sama-sama meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, setentunya, masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan terus menjadi tumpuan masyarakat dalam sama-sama meraih ganjaran Ramadan sekali gus

memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan menyemarakkan bulan yang penuh keberkatan dan dirindui.

Walaupun secara umumnya, membaca Al-Quran itu boleh sahaja dilakukan secara persendirian namun segelintir individu lebih suka membaca Al-Quran secara berkumpulan dan beramai-ramai malah ia menjadi satu pilihan yang terbaik terutama sekali ketika membaca Al-Quran di masjid, surau dan balai-balai ibadat.

Justeru, bulan Ramadan akan dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi mendapatkan ganjaran yang terbaik diberikan oleh Allah kepada umatnya apatah lagi ia diamalkan ketika waktu Subuh.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN, PENGETAHUAN MUALAF MENGENAI PUASA

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Isnin, 11 Mac. - Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah Daerah Tutong mengendalikan Program Tarbiyah Menjelang Ramadan Bersama Muallaf di Dewan Serbaguna, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Seramai 50 peserta muallaf khususnya di Daerah Tutong menyertai Program Tarbiyah berkenaan yang dibimbing oleh dua

Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, iaitu Awang Muhammad Salihan bin Samra dan Dayang Hajah Siti Noraziah binti Haji Asli.

Program berkenaan diadakan sebagai salah satu galakan bagi para muallaf dalam menghayati bulan Ramadan terutama mengenai pengetahuan asas dalam bab puasa, perkara-perkara membatalkan puasa serta melipatgandakan amal ibadat sepanjang bulan Ramadan.

Program bimbingan berkenaan

juga diharap akan dapat meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan para muallaf mengenai puasa di samping menyuntik semangat mereka agar menjalani ibadah puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan.

PROGRAM Tarbiyah Menjelang Ramadan Bersama Muallaf di Dewan Serbaguna, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong (kanan dan bawah).



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda



MINDA PEMBACA

Menjayakan Wawasan Negara

NEGARA Brunei Darussalam mempunyai Wawasan Negara yang ingin dicapai kira-kira 11 tahun ke hadapan lagi iaitu pada tahun 2035. Menjayakan Wawasan Negara adalah tanggungjawab yang harus dipikul dan dikerjakan bersama-sama dengan cara mempersatukan seluruh pihak agar mudah dicapai seperti yang diharapkan oleh seluruh masyarakat kita. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan dan mempertahankan kemajuan negara untuk berkembang dengan pesatnya demi kepentingan masyarakat agar dapat memiliki kesejahteraan dalam kehidupan.

Dengan ini, ada tiga matlamat yang ingin dicapai menjelang Wawasan Negara kita pada tahun 2035. Matlamat pertama, melahirkan Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya. Negara kita harus bersiap siaga dengan menyediakan guru dan sekolah yang berkualiti sedari awal lagi agar dapat melahirkan rakyat yang berkemahiran tinggi dan cendekiawan, setanding dengan para ilmuwan di dalam lingkungan antarabangsa. Matlamat kedua, Kehidupan Rakyat yang Berkualiti. Menyediakan lapangan kerja yang layak dan terjangkau bagi rakyat merupakan langkah penting

dalam meningkatkan kualiti hidup agar masyarakat berpeluang mengasah keahlian yang mereka minati atau ceburi demi memperoleh pengalaman-pengalaman hidup yang berharga.

Matlamat ketiga, memiliki Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan. Untuk mencapai cita-cita tersebut, negara perlu mengambil langkah-langkah yang cerdik agar memperoleh faedahnya. Salah satunya mengadakan pemantauan dan pengurusan kewangan awam dengan baik merupakan perkara yang sangat penting untuk menjaga kestabilan dan memastikan kemantapan jangka panjang pertumbuhan ekonomi negara

kita agar mampu bersaing di tingkat global. Ini akan membawa manfaat bagi seluruh lapisan masyarakat dan memperkuat kedudukan negara dalam arena ekonomi antarabangsa.

Kesimpulannya, untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 ini seluruh pihak harus 'Seperti Aur Dengan Tebing' agar segala rintangan yang dihadapi dalam memperjuangkan negara dapat dibendung bersama-sama dengan mudahnya. Marilah kita sebagai penduduk rakyat Brunei sama-sama bertungkus lumus memperjuangkan negara demi memperoleh fahlah yang bersejarah, 'Genggam Bara Api Biar Sampai Jadi Arang'.

Nama : Asrol bin Purot
No. K/P : 01-149XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Majukan Pengusaha Tempatan'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2024
2. 'Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2024
3. 'Lakukan Perubahan Tangani Obesiti'. Tarikh Tutup : 27 Mac 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Notis Tawaran Bilangan :
HMSF / TDR / 01 / 2024

Tajuk :

For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package C)
For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Fire Protection System

Tarikh Tutup :

Selasa, 30 April 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tajuk Tawaran :

For Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Fids Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation
TERMINAL / 2023-2024 / SH-09 (R)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :
13 Mac 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
26 Mac 2024, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga :
27 Mac 2024, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
08 / MAC / 2024 / KKBS / HSSE / SECURITY / GV

Tajuk Tawaran:

Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :

Tidak lewat Selasa, 26 Mac 2024
Jam 2.00 Petang



PEMOHON-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

JAWATAN :

Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I

TANGGA GAJI :

C.3-4 EB.5
(BND1,990 - BND2,970 Sebulan)

KEKOSONGAN :

2 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan

Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan
Pemohon-pemohon hendaklah melengkapi permohonan melalui pautan ini:
<https://bit.ly/PenPeg>
PerpustakaanTkt1UBD2024

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :

II (II & III) sahaja

Kategori :

KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

26 Mac 2024.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:

JKR / DDS 003 / 2024 – CDE.T.II

Nama Projek:

Kerja-kerja Pengorekan Kolam Takungan Luagan Itek dan Kolam Takungan Berangan, Daerah Brunei dan Muara.

Yuran Tawaran :

BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :

II sahaja

Kategori :

KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

26 Mac 2024.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
2 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:

JKR / DWS / 010 / 2024

Nama Projek:

Penambahbaikan Sistem Bekalan Air (Pembinaan Tangki-Tangki Air dan Peningkatan Sistem Pam Air) - Pembinaan Tangki Air Tambahan Terunjing - Telemetry Hut.

Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)



**PEJABAT SUMBER
TENAGA MANUSIA
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
[U.P: BAHAGIAN
PENGAMBILAN]**

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di
OIC Mission to The United Nations in Geneva

Jawatan :

Permanent Observe - OIC Mission to The United Nations in Geneva

Tarikh Tutup :

30 Mac 2024

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan permohonan dan curriculum vitae melalui e-mel:
vacancy@oic-oci.org



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
01 / JMM / S / 12 / 91
(2024/2025)

Tajuk Sebut Harga:

Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Di Bawah Kawalan Jabatan Muzium-Muzium Bagi Tempoh 24 Bulan

Yuran Sebut Harga :

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis, 4 April 2024.
Tidak lewat
Jam 2.00 Petang



DIBERI NOTIS KERANA MELANGGAR PERATURAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa



SYARIKAT pengurusan pusat membeli-belah popular di Rimba menerima notis daripada Autoriti Perancang kerana melanggar undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (atas, bawah dan atas kanan).



RIMBA, Sabtu, 9 Mac. - Syarikat pengurusan pusat membeli-belah popular di Rimba hari ini menerima notis daripada Autoriti Perancang kerana melanggar undang-undang Perancangan Bandar dan Desa dengan mengubah secara material penggunaan tanah yang ditetapkan untuk tempat letak kereta dengan memasang gerai, trak makanan dan khemah pameran di tempatnya.

Penggunaan kawasan letak kereta selain daripada tujuan yang dimaksudkan menimbulkan isu keselamatan dan kemudahan yang serius seperti kekurangan tempat letak kereta di tapak yang mencetuskan peletakan kenderaan secara haram di kawasan berhampiran yang seterusnya akan menyebabkan peningkatan pejalan kaki yang melintas jalan secara rawak dari pelbagai arah.

Struktur tanpa kebenaran seperti

gerai dan khemah pameran telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk pada masa lalu, menghalang kelancaran kenderaan dan menyebabkan ketidakselesaan, kegusaran dan kelewatan kepada pengguna jalan raya dan pelanggan membeli-belah.

Aktiviti gerai sedemikian, kata Autoriti Perancang, harus dijalankan di kawasan atau bangunan yang selamat dan kondusif yang disediakan dengan betul untuk mengendalikan orang ramai dan lalu lintas, sebaiknya bersedia dilengkapi dengan infrastruktur dan utiliti untuk mengelakkan sambungan elektrik dan air yang tidak dibenarkan yang boleh mendatangkan kesan buruk dan risiko kepada keselamatan dan kesihatan.

Syarikat tersebut telah diberi notis dua hari untuk membuka gerai dan khemah pameran yang didirikan

di kawasan tempat letak kereta, yang mana kegagalannya akan menyebabkan denda kompaun di bawah Seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Autoriti Perancang mengingatkan orang ramai khususnya pemilik perniagaan bahawa walaupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) adalah pihak berkuasa yang berkaitan untuk melesenkan pameran perdagangan atau aktiviti bazar yang seumpamanya, Autoriti Perancang masih menjadi pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam mengawal selia penggunaan bangunan atau tanah dengan teratur bahawa ia mematuhi penggunaan asal seperti yang diluluskan.

Sebarang perubahan penggunaan ketara memerlukan kelulusan Autoriti Perancang terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan.

UNN
Empowering Digital Society

Lindungi perniagaan awda daripada serangan DDoS.

- Kami menawarkan perlindungan 24/7 bagi rangkaian berhadapan internet awda
- Perkhidmatan kami berfungsi sepenuhnya secara automatik tanpa keperluan pentadbir
- Sistem kami melakukan pembelajaran sendiri yang berterusan bagi mengurangkan amaran palsu
- Awda dimaklumkan apabila serangan dikesan didalam rangkaian awda
- Awda mendapat pemahaman bagi serangan terkini dan terdahulu



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut.



**Perkhidmatan
Pertahanan DDoS**

Kami memantau dan mengesan trafik mencurigakan 24/7, menggunakan strategi automatik bagi mengurangkan kesan negatif kepada perkhidmatan awda.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)





جوالن ساليينن كمبير ديكيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

RANCANG STRATEGI, MEMPERKUKUHKAN PERANAN ASTERAWANI



PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus, hadir selaku wakil peribadi tetamu kehormat, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit pada Mesyuarat Agung Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Kali Ke-45 (kiri dan kanan).

Oleh : Noorati Haji Abas

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Isnin, 11 Mac. - Kegemilangan dan kemajuan sastera, bahasa, dan budaya Melayu akan terus diusahakan melalui Mesyuarat Agung Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Kali Ke-45 yang berlangsung baru-baru ini di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Dr. Ampuan Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah.

Dalam ucapannya antara lain menyatakan tujuan mesyuarat agung berkenaan adalah untuk melantik barisan ahli jawatankuasa tertinggi serta ahli jawatankuasa kerja.

Selain itu, mesyuarat ini juga katanya, bertujuan untuk merancang strategi dan pendekatan inovatif bagi merancang dan memajukan peranan dan aktiviti ASTERAWANI dalam memartabatkan serta menggerakkan kegiatan sastera, bahasa, dan budaya Melayu, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Seterusnya, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, terutamanya DBP yang tidak kendur-kendur memberikan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan dalam menggerakkan aktiviti ASTERAWANI, terutamanya

aktiviti yang berkaitan sastera, bahasa dan budaya.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan perasmian yang disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus, selaku wakil peribadi tetamu kehormat, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Terdahulu sebelum perasmian, Pengiran Hajah Rosenani dalam kertas ucapan Pemangku Pengarah DBP, menekankan peranan ASTERAWANI yang penting dalam mengukuhkan pelbagai kegiatan dan projek dalam usaha untuk memperkasa dan memartabatkan sastera Melayu tanah air.

Jelasnya, penglibatan penulis-penulis serta penggiat sastera yang terdiri daripada penulis-penulis muda, pegawai dan kakitangan dalam institusi kerajaan yang mempunyai kepentingan dalam mengembangkan sastera dan bahasa, penglibatan mahasiswa dan pelajar institusi pengajian tinggi serta guru-guru amatlah diharapkan seterusnya mempermudah lagi ASTERAWANI mencari pelapis kerana rata-rata ASTERAWANI pada masa ini dianggotai oleh golongan emas.

Dalam hal itu, DBP sentiasa bersedia untuk menerbitkan karya-karya yang bersesuaian dan memberikan sokongan kepada ASTERAWANI dalam sama-sama berganding bahu mengasuh dan menggilap bakat penulis-penulis

muda dengan lebih serius lagi.

Sejurus selesai ucapan perasmian diikuti dengan acara pelancaran buku antologi sajak Peduli Palestin yang antaranya memuatkan sajak-sajak yang ditulis oleh ahli-ahli ASTERAWANI sebagai salah satu usaha pengumpulan dana bantuan peduli Palestin.

Pada sesi kedua, Mesyuarat Agung dimulakan dengan ucapan Ketua 1, pengesahan laporan Setiausaha 1, laporan Bendahari 1 dan pengesahan minit mesyuarat, dan seterusnya pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2020-2022 yang lalu diikuti dengan lantikan barisan Ahli Jawatankuasa Sesi 2024-2026.

Ketua 1 Sesi 2024-2026 melanjutkan agenda dengan membincangkan struktur jawatankuasa tambahan yang dianggap lebih berkesan dengan mewujudkan beberapa jawatan pengerusi atau penyelarasan yang penting.

Antara jawatan-jawatan tersebut termasuklah pengerusi jawatankuasa penerbitan dan dokumentasi, pengerusi jawatankuasa keagamaan, pengerusi jawatankuasa latihan dan seminar, pengerusi jawatankuasa lawatan, serta pengerusi jawatankuasa acara-acara kebangsaan dan kenegaraan.

Matlamat lain yang telah dibincangkan untuk menggalakkan perkembangan sastera, bahasa, dan budaya Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya Penyelidikan dan Pembangunan: Memperluas

lagi bidang penyelidikan dan pembangunan dalam sastera, bahasa, dan budaya Melayu untuk memajukan pemikiran dan kreativiti.

Di samping itu, Penghasilan Karya Baharu : Mendorong penghasilan karya-karya sastera, seni, dan budaya yang merangkumi pelbagai genre dan media selain, Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat: Meningkatkan pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan serta keunikan sastera, bahasa dan budaya Melayu dalam memperkukuh

identiti dan kesinambungan budaya, terutamanya melibatkan para belia dan penulis-penulis baharu.

Dengan semangat dan komitmen yang berkobar-kobar, Mesyuarat Agung ASTERAWANI ke-45 ini menandakan titik-tolak yang penting dan kini diterajui oleh Ahli Jawatankuasa Baharu sesi 2024-2026 dalam usaha untuk memperkukuh serta memartabatkan sastera, bahasa, dan budaya Melayu dalam arena serantau dan global berpaksikan jati diri dan falsafah Melayu Islam Beraja.



Tadarus Al-Quran eratkan silaturahmi



Oleh : Ihsan Hajah Norliha Haji Salleh

Foto : Ihsan Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah

KAMPUNG KULAPIS, Selasa, 12 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut kedatangan bulan Ramadan, hari ini, 12 Mac. Dengan kedatangan bulan yang mulia ini, jemaah lelaki dan

Muslimah Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah (PEKA), Kampung Kulapis, Mukim Sengkuring telah menganjurkan Majlis Tadarus Al-Quran.

Seramai 40 jemaah lelaki

SERAMAI 40 jemaah lelaki dibimbing oleh tiga orang tenaga pembimbing memulakan bacaan tadarus Al-Quran bertempat di masjid berkenaan.

dibimbing oleh tiga orang tenaga pembimbing dan 41 orang Muslimah dibimbing oleh dua orang tenaga pembimbing memulakan bacaan tadarus Al-Quran bertempat di masjid berkenaan.

Tadarus Al-Quran merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dianjurkan menjelang bulan Ramadan di masjid tersebut. Selain daripada merebut pahala pada bulan yang mulia ini, majlis tersebut juga dapat mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk kampung.

Keramaian peserta pada tahun ini sangat menggalakkan di mana lebih ramai penyertaan jemaah lelaki, Muslimah masjid dan penduduk kampung dalam sama-sama menyemarakkan lagi Ramadan dengan membaca Al-Quran.

Pendaratan tidak berjadual akibat isu teknikal, pengisian minyak

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

RIMBA, Isnin, 11 Mac. - Kementerian Pertahanan ingin menjelaskan kepada orang ramai berikutan dengan aduan orang ramai mengenai gangguan bunyi bising pada Ahad, 10 Mac 2024.

Beberapa buah jet pejuang milik Tentera Laut Amerika Syarikat telah membuat pendaratan secara tidak berjadual di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei atas sebab beberapa isu teknikal dan bagi tujuan pengisian minyak.

Jet-jet pejuang tersebut telah pun berlepas meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tengah malam hari yang sama untuk destinasi seterusnya.

MWNBD ANJUR MAJLIS TADARUS



MADANG, Selasa, 12 Mac. - Bagi mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) telah menganjurkan Majlis Tadarus MWNBD 2024 yang berlangsung di kediaman Naib Yang Dipertua 1 MWNBD, Pengiran Datin Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Seramai 80 ahli daripada 13 buah persatuan terdiri dari Persatuan

Pertiwi, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Badan Kebajikan Isteri Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI), Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP), Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) menghadiri majlis tersebut.

Selain itu, Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong

(PERGANITA), Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA), Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Persatuan Belia Kampong Lambak (PERBEKAL), Persatuan Wanita Kampung Junjongan (PEWAJA) Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) juga turut serta pada majlis berkenaan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh Naib Yang Dipertua 1 MWNBD diikuti dengan membaca Surah Al-Baqarah Juzuk 1 dibaca secara bergilir-gilir oleh Ahli Lembaga Tadbir MWNBD dan seterusnya diikuti oleh wakil-wakil persatuan. Majlis turut diselenggarakan dengan bacaan Tahliil dan Doa.

Naib Yang Dipertua 1 MWNBD mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa keagamaan daripada Persatuan PGGMB yang telah merancang, mengatur dan melaksanakan majlis ini secara bergilir-gilir dan pembahagian juzuk bagi setiap persatuan dan pada tahun ini.

Adapun tujuan diadakan majlis seperti ini adalah untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan meningkatkan lagi hubungan



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) semasa menganjurkan Majlis Tadarus MWNBD 2024 (atas dan kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

silaturahmi antara semua persatuan yang bergabung dengan persatuan berkenaan dengan menanamkan sifat sabar dan saling menghormati antara satu sama lain.

Turut hadir, Naib-naib Yang Dipertua, Yang Dipertua dan Timbalan-timbalan Yang Dipertua

dari persatuan yang bergabung dengan MWNBD, Ketua Pesuruhjaya PPPBD dan para jemputan dari Ahli-ahli Biro Wanita Kampung Manggis dan Muslimah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang.

Komited dalam penggunaan teknologi gentian optik

Siaran Akhbar dan Infografik : Unified National Networks Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mac. - Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) memulakan inisiatif untuk memodenkan dan mengembangkan lagi infrastruktur rangkaian telekomunikasi negara yang semakin berusia pada bulan September 2019.

Dalam usaha meningkatkan pengalaman pelanggan dan aplikasi sokongan yang memerlukan pemrosesan data yang lebih tinggi dan kependaman yang sangat rendah, UNN telah komited untuk meningkatkan penggunaan teknologi gentian optik melalui program lima tahun yang dirancang untuk memodenkan infrastruktur dan peralatan serta memindahkan sambungan warisan daripada tembaga ke gentian optik.

Infrastruktur rangkaian telekomunikasi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum ini dibina menggunakan kabel tembaga

untuk menyampaikan suara dan kemudiannya, perkhidmatan jalur lebar kepada pelanggan perkhidmatan tetap.

Kemudian, kabel tembaga ini terdedah kepada kerosakan, terutamanya disebabkan oleh kakisan, mengakibatkan masalah kependaman dan ketersambungan. Kabel tembaga menjadi sasaran mudah bagi pencuri yang berminat dengan keuntungan haram, yang secara tidak sengaja mengganggu komunikasi harian untuk pelanggan. Sementara, pelancaran kabel gentian mula di NBD lebih 20 tahun yang lalu, namun penggunaan gentian untuk akses jalur lebar bermula pada 2010.


Teknologi gentian optik kini menjadi tunjang utama rangkaian *backhaul* negara yang terdiri daripada lebih 6,000km gentian optik di mana UNN dapat melaksanakan infrastruktur rangkaian telekomunikasi yang

cekap kos dan berdaya tahan tinggi.

Inisiatif ini membantu memberikan pengalaman yang lebih baik untuk pelanggan jalur lebar berasaskan gentian untuk menikmati pemrosesan data yang lebih tinggi dan kependaman yang lebih rendah.

Sehingga kini, lebih daripada 92 peratus kawasan penduduk negara adalah gentian. Penambahan terkini antara 2023 dan awal 2024 termasuk kawasan di dalam dan sekitar Sungai Teraban, Kuala Balai, Labi, Kampung Bolkiah 'A' dan 'B', Meranking, Menunggol, Bukit, Long Mayan dan Teraja. Manakala sedang dilaksanakan di Pemadang, Ra'an, Rambai dan Merimbun yang dijangka siap menjelang April 2024.

Tuntutan untuk pemrosesan yang lebih tinggi dan kependaman yang lebih rendah oleh pelanggan jalur lebar tetap dan pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan merupakan pemacu utama dan menyokong keperluan untuk



UNN komited untuk meningkatkan penggunaan teknologi gentian optik melalui program lima tahun yang dirancang untuk memodenkan infrastruktur dan peralatan serta memindahkan sambungan warisan daripada tembaga ke gentian optik.

perkhidmatan berasaskan tembaga untuk kini dipindahkan ke teknologi gentian optik dan membawa pemberhentian sambungan tembaga menjelang Julai 2024.

Pada Julai 2022, usaha kerjasama daripada Datastream Digital (DST), Imagine, Progresif dan UNN memulakan program migrasi tembaga ke gentian yang menyasarkan pelanggan perkhidmatan tetap yang masih disambungkan oleh tembaga.

Program ini akan menyaksikan penggantian secara berperingkat kepada kabel gentian optik, memastikan pelanggan bermaklumat dan langkah sewajarnya diambil untuk meminimumkan kesulitan dan gangguan perkhidmatan. Ini adalah langkah penting dan kritikal ke arah NBD merealisasikan wawasanya untuk Wawasan Brunei 2035 dan memangkin negara ke arah mencapai status negara pintar.



BERSAHUR bermaksud makan atau minum pada waktu akhir malam sehingga hampir waktu fajar sebelum berpuasa pada siang harinya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mac. - Dalam menjalani ibadah puasa, kita sangat

digalakkan untuk bersahur, tetapi berapa ramai yang bangun untuk bersahur?

Makan sahur memiliki keberkatan

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

yang berpuasa.

Bersahurlah kita sebagai mengambil berkat atau kebaikan dan kelebihan, walaupun hanya dengan seteguk air.

Allah Subhanahu Wata'ala dan para malaikat berselawat ke atas orang yang makan dan minum untuk bersahur.

Selawat Allah ke atas orang yang bersahur adalah pujian-Nya kepada hamba-hamba-Nya yang bersahur, manakala selawat para malaikat ke atas mereka yang bersahur pula merupakan doa pengampunan daripada malaikat buat mereka yang bersahur.

Waktu sahur itu sendiri pula termasuk antara waktu mustajab berdoa, waktu terbaik beribadah, dan waktu diampunkan bagi mereka

yang memohon keampunan.

Keberkatan bersahur terbahagi kepada dua jenis, iaitu keberkatan *syar'iyah* keberkatan dalam mengikut sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mendapat ganjaran dan pahala, penyebab kepada berzikir, berdoa, beristighfar pada waktu sahur yang merupakan waktu mustajab doanya serta beroleh keampunan; dan keberkatan *badaniyah* keberkatan pada sahur berkenaan memberi bekalan nutrien dan tenaga kepada badan serta menguatkan semangat untuk berpuasa dan menahan diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik disebabkan oleh lapar.

PELUANG SERTAI KEMPEN DERMA DARAH

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Khamis, 14 Mac 2024, jam 8.00 malam hingga 10.00 malam bertempat Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS); dan Sabtu, 16 Mac 2024, jam 8.00 malam hingga 10.00 malam bertempat The Arcade, Tingkat 1, Little Soho, Batu Bersurat anjuran The Laneige Brunei.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi kempen berkenaan adalah sangat digalakkan.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

● UJIAN ● TEMU DUGA ● URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN.



HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.

3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI TALIAN PERHUBUNGAN SPA



+673 7371961 | query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT 1 TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.

EXIT

Kenali Bahasa Brunei

Ligur-liguran bermaksud tidak sedap tentang badan.

Contoh pemakaian kata : **ligur-liguran** rasangku, inda ku batidur di malam.

Nyitra bermaksud nyenyak.

Contoh pemakaian kata : **nyitra** tidurnya anak damit dalam indangan atu.

Nyanyat bermaksud ingin atau mahu lagi.

Contoh pemakaian kata : **nyanyat** ia mambali sutu di tamu atu.

Manala bermaksud menangis dengan kuat dan lama sehingga tidak keluar suara, biasanya tentang kanak-kanak kerana kesakitan, merajuk, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : anak atu **manala** saja lagi antadi.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sambal Kupang Masak Hitam Manis RPN Kampung Rimba

BAHAN-BAHANNYA :

500 gram kupang (dibersihkan dan digoreng)
3 biji Bawang Merah (dikisar)
15 ulas Bawang Putih (dikisar)
2 batang serai (dikisar)
3 sudu makan cili kisar
1 biji Bawang Holland (dihiris bulat)

Sos tiram
Kicap manis / kicap pekat
Gula secukupnya
Minyak untuk menumis

CARA MEMASAK :

Tumis bahan yang dikisar tadi serta Bawang Holland hingga naik bau. Masukkan cili

kisar dan kacau hingga pecah minyak. Kemudian masukkan sos tiram, kicap manis / kicap pekat dan gula lalu digaul hingga rata. Akhir sekali masukkan kupang yang telah digoreng tadi dan gaul hingga sehati. Siap untuk dihidang.

PELANCARAN PANDUAN AUDIO DIGITAL BRC UBD

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (Institute for Biodiversity and Environmental Research - IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) melancarkan panduan pelancong audio digital yang dicipta untuk Pusat Penyelidikan Botani UBD (BRC UBD).

Panduan tersebut atas kerjasama dengan Ebode of Dynamik Technologies dan disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Panduan pelancong audio digital menggunakan aplikasi izi.TRAVEL yang menawarkan pengunjung ke Taman BRC UBD dengan pengalaman yang mengasyikkan dan bermaklumat.

Pengguna boleh meneroka kepelbagaian spesies tumbuhan dan mempelajari tentang kekayaan biodiversiti Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkongsian antara UBD dan Dynamik Technologies menggariskan komitmen bersama untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goal - SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu.

Dengan lebih 500 spesies tumbuhan, Taman BRC UBD bukan sahaja sebagai tempat perlindungan spesimen botani tetapi juga sebagai pusat pemuliharaan, penyelidikan, pendidikan dan jangkaan.

Sebagai satu-satunya taman botani di NBD, ia terus menarik pengunjung dan penyelidik, menawarkan pemandangan keindahan alam semula jadi negara.

Dalam satu kenyataan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies dan Ahli Majlis UBD, Dayang Haslina binti Taib menekankan usaha kolaboratif dalam memilih kandungan yang disahkan untuk lawatan berpanduan audio digital bagi memastikan maklumat yang sahih dan konsisten dalam meningkatkan pengalaman pelawat.

Menyedari akan kepentingan memenuhi keperluan generasi digital dan menerima prinsip Revolusi Perindustrian Keempat (Fourth Industrial Revolution - IR4.0), Dynamik Technologies menyerlahkan kepentingan maklumat dipacu data dalam meningkatkan pengalaman

pelancong.


Pendigitalan industri pelancongan NBD bermatlamat untuk mencipta lawatan yang dinamik dan komprehensif, menangani keperluan untuk panduan berbilang bahasa, memperkenalkan elemen interaktif dan menyediakan pengalaman berstruktur lagi menawan untuk pelancong.

Panduan pelancong audio digital boleh diakses pada bila-bila masa, di mana sahaja dan yang boleh melengkapkan atau menambah pengalaman pengembara solo atau mereka yang melancong dalam secara berkumpulan.

Pengunjung Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan atau audio boleh mendengar atau membaca maklumat yang tersedia melalui panduan pelancong audio digital.

Panduan pelancong audio digital BRC UBD akan mempromosi keindahan alam semula jadi NBD, memperkasa pelawat untuk menjadi penjaga alam sekitar yang bertanggungjawab dan memacu industri pelancongan negara ke masa depan digital.

Sejak pengenalan panduan pelancong audio digital pada 2022 bermula dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja, koleksi



APLIKASI izi.TRAVEL yang menawarkan pengunjung ke Taman BRC UBD dengan pengalaman yang mengasyikkan dan bermaklumat.

lawatan digital yang semakin meluas menawarkan pelbagai lawatan dalaman dan luaran untuk manfaat pelancong domestik dan antarabangsa.

Pengembara digital dari lebih 45 negara yang melawat NBD termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan Malaysia.

1,751 kes HFMD dilaporkan di negara ini

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai peningkatan jumlah kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dalam beberapa minggu kebelakangan.

Dalam tempoh bermula 1 Januari 2024 hingga 6 Mac 2024, jumlah kes HFMD yang dilaporkan di negara ini ialah sebanyak 1,751 kes berbanding dengan jumlah purata lima tahun kebelakangan (2019 hingga 2023) bagi tempoh yang sama, iaitu sebanyak 598 kes.

Sejumlah 55 peratus daripada semua kes yang dilaporkan setakat ini adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah.

Sementara itu, tidak ada kes kematian akibat HFMD dilaporkan di negara ini sejak satu kes kematian akibat HFMD dilaporkan pada 2005.

HFMD adalah merupakan salah satu jangkitan yang biasa dihidap oleh kanak-kanak, terutama sekali mereka yang berumur di bawah lima tahun.

Tanda-tanda penyakit termasuklah demam panas, kurang nafsu makan, berasa tidak sihat, ruam kulit dan sakit tekak.

Luka-luka dan ulser dalam mulut (*mouth sores dan ulcers*) juga kerap dialami, iaitu di lidah, gusi dan bahagian dalam pipi.

Jangkitan berkenaan adalah disebabkan oleh beberapa jenis virus yang boleh merebak dari seorang ke seorang melalui sentuhan tangan atau menyentuh permukaan yang dicemari virus berkenaan.

Anak-anak damit mempunyai risiko yang lebih tinggi dijangkiti yang boleh mengakibatkan komplikasi yang serius seperti penyakit radang otak (*encephalitis*) dan dehidrasi.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai terutamanya mereka yang membawa anak-anak mereka bercuti ke luar negara dan dengan bermulanya musim persekolahan tidak lama lagi, untuk mengambil langkah-langkah kewaspadaan, pencegahan dan mengurangkan risiko jangkitan seperti sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan cecair pembersih tangan atau sabun dengan air yang bersih selepas menggunakan tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan, selepas menukar lampin atau melakukan apa juga jenis pekerjaan rumah.

Selain itu, sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sama ada di rumah, pusat penjagaan kanak-kanak atau sekolah; tidak menghantar kanak-kanak yang dijangkiti HFMD ke sekolah bagi mencegah jangkitan kepada kanak-kanak lain dan mereka juga adalah dinasihatkan untuk tidak dibawa ataupun pergi ke tempat-tempat awam, seperti pasar raya, kompleks membeli-belah, taman permainan, kolam renang dan lain-lain; membersihkan dan menyahkumankan (*disinfect*) permukaan yang tercemar termasuk alat permainan; dan jangan berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, selimut, cawan, sudu dan garpu.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan kepada ibu bapa dan penjaga untuk membawa anak-anak mereka dengan segera ke Pusat-pusat Kesihatan dan hospital-hospital yang berhampiran jika terdapat tanda-tanda HFMD.

Mengenai dengan satu mesej tular mengenai satu kes kematian akibat HFMD, Kementerian Kesihatan telah menyelidiki perkara berkenaan dan mengesahkan perkara berkenaan tidak berlaku di negara ini.

Kematian akibat HFMD biasanya disebabkan oleh jangkitan HFMD yang sangat teruk hingga menimbulkan komplikasi yang serius atau jika pada masa yang sama, pesakit juga menghidap penyakit-penyakit serius yang lain.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini dan akan memaklumkan apa juga perkembangan mengenainya dari semasa ke semasa.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.



Dihukum penjara seumur hidup atas kesalahan membunuh

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Mahkamah Tinggi hari ini menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas seorang lelaki tempatan atas kesalahan membunuh tanpa niat terhadap anak perempuannya yang berumur 1 tahun 5 bulan.

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Mohammad Helmi bin Awang Serabah (defendan) berusia 44 tahun selepas didapati melakukan jenayah membunuh tanpa niat pada tahun 2019.

Perbuatan melakukan pembunuhan tanpa niat adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 304(1) Kanun Jenayah yang membawa hukuman penjara yang boleh berlanjutan seumur hidup.

Setelah menilai keterangan yang dikemukakan oleh Pendakwaan dan Pembelaan, mahkamah mendapati bahawa tiada bukti yang mencukupi untuk membuktikan bahawa defendan berniat untuk menyebabkan kematian tetapi mensabitkannya dengan kesalahan pembunuhan tanpa niat.

Berdasarkan fakta kes, pada 26 Ogos 2019, defendan berada di rumah di Kampung Salambigar bersama si mati. Defendan hilang sabar apabila si mati tidak berhenti menangis dan punca tangisan si mati adalah disebabkan oleh perbuatan defendan membakar

bahagian tubuhnya dengan menggunakan pemetik api.

Defendan kemudiannya melakukan tindakan kekerasan ke atas si mati yang membawa kepada kematiannya.

Bedah siasat yang dijalankan ke atas si mati mendapati terdapat 196 kecederaan ditemui pada badan si mati dan sebahagian daripadanya dikaitkan dengan perbuatan defendan.

Yang Arif Haji Abdullah Soefri menyifatkan perbuatan yang dilakukan oleh defendan sebagai kejam dan jahat serta menyifatkan defendan sebagai manusia yang paling kejam yang pernah dilihat oleh mahkamah kerana apa yang dilakukannya ke atas seorang anak kecil yang tidak berdaya.

Pesuruhjaya Kehakiman juga membentangkan faktor-faktor yang memburukkan yang membawa kepada hukuman tersebut termasuk kedudukan amanah kerana si mati merupakan anak perempuan defendan, dan hakikatnya bahawa defendan tidak mendapatkan sebarang bantuan atau menghantarnya untuk rawatan perubatan walaupun anak perempuannya terbaring tidak sedarkan diri dihadapannya.

Tindakan yang dilakukan terhadap si mati adalah sangat kejam memandangkan usianya yang masih muda dengan keadaannya yang tidak dapat berjalan dan berkomunikasi.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Shamshuddin bin Haji Kamaluddin dan Hajah Atiyah binti POKLS DSLJ Haji Abas manakala defendan diwakili oleh Mohd Shazale bin Haji Mat Salleh. Tarikh defendan disabitkan bersalah ialah pada 28 Februari 2024.

BERBELANJA SECARA BERHEMAH, ELAK PEMBAZIRAN

■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Mac. - Hari ini merupakan hari pertama umat Islam di negara ini menjalankan ibadah puasa pada bulan Ramadan.

Gerai-gerai Ramadan mula dipenuhi oleh para pengunjung yang ingin membeli juadah dan lauk-pauk untuk berbuka.

Selain itu, restoran-restoran juga turut menjadi tumpuan kerana menawarkan hidangan secara bufet sungkai sepanjang bulan Ramadan ini dengan tawaran harga yang berpatutan.

Namun, antara isu yang sering

ditekankan semasa bulan Ramadan ini adalah mengenai pembaziran makanan.

Oleh itu, orang ramai sentiasa diingatkan untuk mengelakkan daripada perkara itu berlaku.

Pembaziran makanan bukan hanya memberi kesan kepada kewangan tetapi juga kepada kelestarian alam sekitar.

Sisa makanan yang dibuang merata-rata tanpa diuruskan dengan cara yang betul boleh memberikan impak buruk terhadap alam sekitar.

Ini kerana, makanan yang

mereput boleh menghasilkan bau yang tidak menyenangkan dan mengeluarkan gas rumah hijau seperti metana, yang boleh menyumbang kepada perubahan iklim.

Bagi kebanyakan orang, salah satu cara untuk mengelakkan pembaziran adalah dengan memasak sendiri juadah sederhana untuk bersahur dan bersungkai di rumah.

Namun begitu, adakala kita tidak sempat untuk memasak di rumah kerana kesuntukan masa atau terlalu letih.

Oleh itu, berkunjung ke Gerai Ramadan lebih awal adalah cara terbaik untuk menghindari kesesakan dan pilih makanan serta minuman yang diperlukan sahaja, elakkan daripada membeli makanan yang berlebihan.

Jika makanan yang dibeli itu berlebihan, kita boleh menyimpannya di dalam peti sejuk untuk dipanaskan semula bagi juadah bersahur atau bersungkai keesokan harinya.

Walau bagaimanapun, orang ramai perlu mengambil tahu dan menjaga soal keselamatan berhubung penyimpanan makanan berlebihan dalam peti sejuk.

Makanan yang sudah dimasak hanya boleh dipanaskan sekali sahaja dan perlu dihabiskan tanpa disimpan semula ke dalam peti



BAGI kebanyakan orang, salah satu cara untuk mengelakkan pembaziran adalah dengan memasak sendiri juadah sederhana untuk bersahur dan bersungkai di rumah (atas dan bawah kiri).

sejuk.

Jika makanan berkenaan terlampau banyak, ia perlu disimpan secara berasingan dalam beberapa bekas yang bersih serta tertutup dan tulis tarikh mula menyimpan pada bekas berkenaan supaya kita dapat ingat berapa lama makanan itu telah disimpan.

Hanya ambil bekas makanan yang diperlukan pada satu masa.

Makanan yang disimpan di bahagian bawah bersuhu dingin

makanan cuma dapat dimakan antara tiga hingga empat hari sahaja, manakala bagi bahagian atas sejuk beku, tiga hingga empat bulan.

Namun, jika makanan berkenaan telah menunjukkan tanda-tanda tidak lagi elok, iaitu berubah bau, warna dan rasa, ia tidak boleh dimakan dan perlu dibuang.

Makanan juga perlu dipanaskan semula pada suhu 70 darjah Celcius ke atas bagi mengelakkan pembiakan bakteria.



Pastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh mengendalikan beberapa Operasi Siaga 48/2024 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh mengendalikan beberapa Operasi Siaga 48/2024 pada 5 Mac 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan di salah sebuah restoran di kawasan Kampung Lambak Kanan mendapati dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu di bawah Bab 44, pemotongan gaji yang tidak dibenarkan oleh

Pesuruhjaya Buruh; dan Bab 112(2), pekerja berjawatan *waiter* mendapati melakukan pekerjaan sebagai memasak.

Manakala, pemeriksaan yang dijalankan di Kampung Beribi mendapati seorang pekerja asing jaminan syarikat berjawatan *baker* melakukan pekerjaan sebagai jurujual kuih-muih di sebuah bangku perusahaan dan perbuatan berkenaan bertentangan di bawah Bab 112(2), Perintah Pekerjaan 2009, iaitu kesalahan melanggar syarat-syarat lesen melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang

dibenarkan dan di bawah Bab 86, menempatkan pekerja asing bukan di tempat yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh yang penempatan para pekerja asing di bangku, Pushcart, Booth, Kiosk, berjaja adalah tidak dibenarkan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan berkenaan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Jabatan Buruh juga menasihatkan penempatan pekerja-pekerja asing di bangku, Pushcart, Booth, Kiosk, berjaja serta gerai di Sumbangsih Mulia adalah tidak dibenarkan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menrusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Seorang lelaki tempatan dikehendaki bantu siasatan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga tempatan, iaitu Mohammad Sahrul Yasmi bin Md. Yassin, dengan nombor Kad Pengenalan 00-308550 (K) yang dikehendaki bagi membantu siasatan Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan

490/333/424 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis yang berdekatan.



MOHAMMAD Sahrul Yasmi bin Md. Yassin dikehendaki bagi membantu siasatan.

Waktu persekolahan bagi Sekolah Arab, Ugama pada bulan Ramadan

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Pengajian Islam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) ingin memaklumkan bahawa Waktu Persekolahan di bulan Ramadan bagi Sekolah-sekolah Arab dan Ugama Seluruh Negara bagi Tahun 1445H / 2024M.

Menurut Siaran Akhbar JPI, Sekolah Arab sesi pembelajaran dilaksanakan secara fizikal bagi Sanah 5, 6, 7 dan 8 waktu pembelajaran bermula 7.45 pagi hingga 11.55pagi.

Manakala bagi Sanah 9, 10, 11 dan Pra U bermula jam 7.45 pagi hingga 12.30 tengah hari. Bagi Program Tadarus Al-Quran dilaksanakan bermula jam 7.30 pagi hingga 7.45 pagi.

Sementara Sekolah Ugama

SEKOLAH ARAB:	SANAH	WAKTU PEMBELAJARAN
Sesi Pembelajaran Dilaksanakan Secara Fizikal	SANAH 5,6,7,8	7.45 pagi hingga 11.55 pagi
	SANAH 9,10,11, PRA U	7.45 pagi hingga 12.30 tengah hari
Program Tadarus Al-Quran dilaksanakan bermula pukul 7.30 pagi hingga 7.45 pagi		

SEKOLAH UGAMA:	SESI	WAKTU PEMBELAJARAN
Sesi Pembelajaran Dilaksanakan Secara Atas Talian (Online)	SESI PAGI	8.00 pagi hingga 9.30 pagi
	SESI PETANG	1.15 petang hingga 2.45 petang
Program Tadarus Al-Quran dilaksanakan bermula pukul 7.45 hingga 8.00 pagi bagi Sesi Pagi dan 1.00 hingga 1.15 petang bagi Sesi Petang		

sesi pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian (online). Bagi sesi pagi bermula jam 8.00 pagi hingga 9.30 pagi dan sesi petang bermula jam 1.15 petang hingga 2.45 petang.

Program Tadarus Al-Quran dilaksanakan bermula jam 7.30 pagi hingga 7.45 pagi bagi sesi pagi dan 1.00 petang hingga 1.15 petang bagi sesi petang.

TATACARA

MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

سوروهنجاي فرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

01

Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik LOG MASUK

02

Log masuk menggunakan akaun e-darussalam

03

Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN

04

Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

LIPAT GANDAKAN IBADAT MERAIH KEBERKATAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Mac. - Seperti tahun-tahun lazimnya, apabila masuk saja bulan Syaaban dan menjelang bulan Ramadan, umat Islam disarankan untuk membuat persiapan dengan sebaik-baiknya, sama ada dari segi rohani mahupun jasmani, iaitu dengan melipatgandakan amal ibadah dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Antara yang disarankan sebelum menjelangnya bulan Ramadan ialah dengan memperbanyakkan puasa sunat pada bulan Syaaban, menunaikan qada puasa dan membaca Al-Quran, bagi mempersiapkan diri pada bulan Ramadan nanti.

Dalam persiapan menjelang Ramadan juga, kita perlu menjaga

kesihatan dari segi rohani dan jasmani, di samping menjaga pemakanan dari awal agar sudah bersedia apabila tiba bulan Ramadan.

Salah satu amalan yang sangat digalakkan adalah memperbanyakkan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon ampun kepada-Nya.

Selain berdoa, kita juga perlu memperbanyakkan amalan kebaikan tidak kira kebaikan kecil atau besar yang dapat dilakukan secara sederhana, bermula daripada memberikan makanan atau bersedekah wang ringgit.

Bertaubat juga merupakan salah satu perbuatan yang perlu dilakukan sebelum datangnya bulan Ramadan kerana manusia tidak luput daripada membuat kesalahan dan dosa.

Maka dari itu, sudah menjadi kewajipan bagi kita untuk bertaubat dan meminta keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana dengan memohon keampunan-Nya, kita akan mendapat ketenangan rohani sehingga akan lebih lancar dalam menjalankan ibadah puasa nanti. Bertaubat dalam hal ini bukan hanya dalam lisan, namun juga harus dibuktikan dengan perbuatan.

Sebelum kedatangan bulan Ramadan, kita perlu memantapkan niat untuk menjalankan ibadah puasa dengan ikhlas dan hanya untuk mencari keredaa Allah semata, tanpa ada niat yang lain, dan menumpukan tujuan ibadah hanya untuk menghadap-Nya.

Selain itu, kita perlu persiapkan diri dengan memperbanyakkan ibadah sunat, iaitu dengan mengerjakan solat sunat atau puasa sunat, contohnya, berpuasa pada Isnin dan Khamis dapat melatih diri agar nanti kita dapat menjalani ibadah puasa dengan baik dan sempurna.

Di samping itu juga, membaca Al-Quran akan dapat melipatgandakan pahala serta kebaikan, dan mendatangkan



UMAT Islam disarankan untuk membuat persiapan dengan sebaik-baiknya, sama ada dari segi rohani mahupun jasmani, iaitu dengan melipatgandakan amal ibadah.

ketenangan hati juga fikiran. Dengan itu, kita dapat menyambut kedatangan bulan puasa dengan hati dan fikiran yang lebih baik.

Persiapan lain yang dapat dilakukan menuju datangnya awal puasa Ramadan adalah dengan membaca dan mempelajari ilmu agama dengan lebih dalam.

Luangkan waktu seketika untuk menimba ilmu agama sehingga kita dapat lebih memahami makna dan keutamaan daripada ibadah yang kita kerjakan.

Dengan mengetahuinya, kita akan menjadi lebih bersemangat untuk melakukan ibadah dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala

Memasuki awal puasa Ramadan, kita diwajibkan untuk mengganti (qada) hutang puasa pada Ramadan sebelumnya, dan

puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadan wajib diganti, kecuali bagi orang lanjut usia yang boleh menggantinya dengan membayar fidyah.

Terdapat beberapa golongan yang diberi keringanan untuk tidak berpuasa pada Ramadan iaitu orang yang sakit, musafir dan wanita yang sedang haid dan nifas. Ketiga-tiga golongan tersebut harus membayar puasa Ramadan yang mereka tinggalkan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati kita dengan Ramadan yang kini menjelang tiba dan mudah-mudahan dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan dan melipatgandakan amal ibadah dengan sempurna dan diterima, serta mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



KURMA memberikan banyak manfaat kesihatan kepada manusia.



Ramadan bulan rezeki buat para peniaga

Rencana dan Foto : Ak. Jeffery Pg. Durahman

KEDATANGAN bulan Ramadan sangat ditunggu-tunggu oleh semua umat Islam. Bulan Ramadan disebutkan sebagai bulan yang diberkati dan dilimpahkan dengan pelbagai rezeki dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi peniaga, bulan ini merupakan bulan rezeki kerana jumlah pendapatan mereka dijangka meningkat berkali-kali ganda sehingga boleh mendapat untung bersih beribu-ribu ringgit dengan hanya sebulan berniaga.

Lazimnya pendapatan jualan sepanjang Ramadan memberikan pulangan yang lumayan bahkan turut berbeza daripada jualan pada bulan-bulan biasa. Disebabkan itu, kehadiran Ramadan seolah-olah memberi semangat untuk mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam perniagaan walaupun perniagaan tersebut dilakukan secara kecil-kecilan.

Mungkin ada yang kurang bersetuju dengan peningkatan kos yang berlaku pada bulan Ramadan. Namun, pada masa yang sama kita melihat ia sebagai rezeki yang melimpah ruah bagi sesetengah pihak khususnya para peniaga. Mungkin ada yang merujuk kepada rezeki pada bulan Ramadan dengan ungkapan 'rezeki sebulan, boleh makan setahun'. Sekiranya ia adalah daripada sumber yang halal dan berlangsung pada bulan yang penuh keberkatan, maka tidak dapat dinafikan ia adalah satu daripada tanda

rezeki yang halal dan berkat bahkan bulan ini turut membantu mereka membuat persiapan bagi membeli segala keperluan menjelang Aidilfitri manakala selebihnya akan digunakan untuk keperluan seharian.

Kesempatan dan peluang berniaga di musim perayaan ini tidak sesekali dilepaskan oleh golongan muda yang turut sama berminat untuk berkecimpung berniaga di bazar Ramadan. Kebanyakan mereka memulakan perniagaan pada musim perayaan untuk menambah sumber pendapatan atau untuk mencari duit raya lebih melalui perniagaan bermusim.

Langkah kerajaan yang turut sama meluluskan lebih banyak lesen untuk membuka bazar Ramadan di seluruh negara menjadikan peluang kewujudan lebih banyak perniagaan baharu bermusim. Selain bazar Ramadan yang disediakan untuk berniaga, ada juga yang secara persendirian berniaga di tepi-tepi jalan atau di sekitar kediaman mereka hanya bertujuan berniaga untuk mendapatkan rezeki sepanjang Ramadan.

Antara jenis perniagaan yang sering mendapat sambutan dan perhatian juga permintaan yang tinggi pada musim perayaan ini adalah seperti menjual juadah berbuka puasa, produk kuih raya, pakaian, aneka tudung dan tidak ketinggalan perhiasan rumah. Sebenarnya banyak lagi peluang perniagaan yang wujud pada bulan

Ramadan ini seperti jualan terus mahupun secara online. Cuma peniaga yang perlu kreatif memikirkan jenis perniagaan untuk dijalankan bagi menambahkan lagi pendapatan pada bulan puasa ini.

Inilah hikmah di sebalik kehadiran bulan yang mulia ini. Hakikatnya Islam amat menuntut umatnya menceburi dalam urusan perniagaan. Ini kerana perniagaan merupakan salah satu cabang dalam mencari nafkah yang sangat dianjurkan oleh Islam.

Setiap peniaga perlu memahami bahawa pembabitan mereka dalam urusan perniagaan adalah satu ibadah. Cuma, dalam keghairahan menjalankan perniagaan itu, akhlak dan adab berniaga mesti berdasarkan kehendak agama terutama dalam mengendalikan urusan jual beli bersama pelanggan.

Sebagai contoh, kunjungan umat Islam ke bazar Ramadan adalah satu petanda yang baik kerana ia dapat meningkatkan pendapatan para peniaga dalam urusan jual beli. Namun dalam masa yang sama, peniaga tidak boleh sama sekali mengambil kesempatan untuk menaikkan harga makanan ataupun barang keperluan disebabkan musim perayaan.

Usalah kerana terlalu hendak mengaut keuntungan sehingga lupa batas dan sempadan. Ingatlah akan peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Usahawan yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, sodiqin dan orang yang mati syahid pada hari kiamat kelak". (Hadis

riwayat At-Tirmidzi dan Ibnu Majah)

Di sebalik mencari rezeki di bulan yang mulia ini, juga diingatkan jangan sampai mengabaikan aspek kebersihan. Tahap kebersihan yang tinggi perlu dikekalkan baik dari segi makanan yang dijual mahupun pakaian dan kebersihan diri peniaga serta kebersihan di kawasan perniagaan itu perlu dititikberatkan.

Ini kerana pelanggan yang mengutamakan kesihatan yang bersih akan memilih gerai-gerai peniaga yang betul-betul menjaga kebersihan. Para peniaga bukan sahaja akan dapat menambahkan rezeki tetapi juga dapat mengekalkan alam sekitar yang bersih.

Apabila kebersihan itu dijaga maka akan menarik minat pelanggan membeli di gerai berkenaan berbanding gerai yang kotor. Oleh itu, aspek kebersihan perlu dititikberatkan bagi menjamin pendapatan yang lumayan berterusan dan kesetiaan pelanggan ke gerai berkenaan.

Meskipun perniagaan dalam bulan Ramadan mendapat sambutan tetapi kita perlu menjaga sembahyang kita. Ingatlah walau sesibuk manapun kita, jangan kita tinggalkan sembahyang lima waktu kerana rezeki itu semuanya diaturkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Begitulah mulianya Ramadan bulan yang penuh rahsia. Kesempatan dan peluang yang ada ini wajar diambil oleh para peniaga untuk terus berniaga dengan jujur dan ikhlas.





Projek Ikhtiar, kaedah menjana pendapatan bagi golongan memerlukan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Projek Ikhtiar

PROJEK FEED telah melancarkan satu lagi projek di bawahnya iaitu Projek Ikhtiar. Projek ini adalah satu platform untuk menjana pendapatan dan peluang pekerjaan yang direka khusus untuk individu dari keluarga berpendapatan rendah dan bekas banduan melalui latihan kemahiran pertukangan kayu, penyelenggaraan rumah dan perkhidmatan memotong rumput. Ia dikendalikan oleh Projek FEED dengan kerjasama Ngusai.bn dan AE Jaya.

Ngusai.bn juga adalah syarikat di bawah Projek FEED yang dijalankan oleh mantan peserta daripada Projek FEED yang terlatih. Seramai lima orang pelatih yang terdiri daripada individu kurang berkemampuan dan bekas banduan sedang menjalani latihan dan khidmat dalam bidang pertukangan yang diuruskan oleh AE Jaya. Individu ini telah pun menghasilkan produk pertukangan kayu yang diuruskan oleh AE Jaya Enterprise. Manakala, 10 orang lagi daripada golongan yang sama telah dilatih dalam kerja-kerja penyelenggaraan rumah dan pemotongan rumput yang dikendalikan oleh Ngusai.bn.

Objektif

- Sebagai inisiatif membantu individu yang bermasalah ekonomi menjana pendapatan berterusan menggunakan kemahiran yang dipelajari.
- Menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan yang mampan.

- Menyediakan latihan kemahiran dan motivasi berterusan kepada individu yang tercabar dari segi ekonomi supaya mereka terus komited untuk mengubah kehidupan menjadi lebih baik.

- Membina keperibadian individu yang tercabar dari segi ekonomi agar sentiasa berfikir positif dan *growth mindset*.

- Membantu menghubungkan dan memasarkan produk yang dihasilkan oleh peserta kepada masyarakat.

- Sebagai pusat inkubasi dengan peralatan yang sesuai untuk individu.

Inspirasi untuk membuat projek ini bermula kerana ingin membantu orang-orang yang memerlukan untuk mencari mata pencarian mereka. Selain itu, golongan ini perlu didedahkan pada kemahiran-kemahiran yang mampu untuk membantu mereka menjana pendapatan dalam jangka masa panjang. Antaranya dilihat dari segi kemahiran yang mudah bagi mereka untuk faham dan pelajari pada masa yang sama memberikan mereka fasiliti yang diperlukan.

Projek yang telah dilancarkan pada Oktober 2023 ini sudah menghasilkan gaji pendapatan secara purata sebanyak BND500 bagi seorang pengendali perkhidmatan tersebut. Cara pemilihan juga mengikut kesesuaian bagi individu yang ingin menyertai projek ini dari segi kemahuan, motivasi dan juga komitmen mereka. Bagi bekas banduan, nama-nama mereka akan diambil daripada pihak berkenaan dan ada juga yang sudah dikenali yang mempunyai usaha dan ikhtiar untuk mengubah nasib diri mereka sendiri. Selain itu, bagi mereka yang kurang

berkemampuan, senarai nama mereka akan ditapis dahulu oleh pihak Projek Ikhtiar sebelum mereka dipilih untuk mengikuti projek ini. Untuk menyertai projek ini juga, mereka tidak dikehendaki mempunyai kelulusan yang spesifik. Apa yang penting mereka dapat mempelajari kemahiran-kemahiran praktikal agar dapat memanfaatkannya dalam menjana pendapatan.

Mentor dan latihan akan dijalankan selama lima bulan. Sepanjang lima bulan itu, mereka akan menjalani latihan dari segi pengetahuan mengenai dengan pengendalian, penyelenggaraan rumah, bantuan asas mengenai tukang kayu, mengenai ilmu-ilmu kemahiran pemasaran dan perancangan kewangan. Mentor yang memberi latihan ini adalah terdiri daripada bekas-bekas banduan yang sudah berjaya dan memiliki perniagaan sendiri atau daripada individu-individu pemilik syarikat yang dijemput untuk memberikan tunjuk ajar kepada ahli yang ikut serta dalam projek ini.

Ujian produk dan perkhidmatan akan diuji dari segi hasil kerja tangan ahli dan dilihat sama ada produk atau perkhidmatan itu boleh menembusi pasaran atau tidak. Setakat ini, perkhidmatan yang banyak permintaan ramai adalah perkhidmatan penyelenggaraan rumah.

Perancangan

Mengenai perancangan seterusnya adalah untuk memastikan perkhidmatan daripada Projek Ikhtiar ini sentiasa berkembang dan digunakan oleh orang ramai dalam sama-sama menyokong hasil tangan dan hasil

perkhidmatan daripada warga tempatan yang mengikuti projek tersebut. Di sini, golongan ini akan mendapat peluang kedua dalam mendapatkan manfaat bagi keluarga mereka melalui pendapatan yang diperoleh terutama dalam penjana hasil-hasil sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan-bantuan orang ramai.

Harapan

Projek Ikhtiar ini juga berharap golongan yang menyertai akan sentiasa berikhtiar menjana pendapatan mereka sendiri dengan sumber yang ada. Projek ini juga sebagai kaedah dan hala tuju bagi bekas banduan selepas mereka dibebaskan dari penjara ataupun keluarga yang kurang berkemampuan sebagai salah satu sinar harapan bagi mereka untuk mencari peluang dalam memperoleh pendapatan yang tetap bagi keluarga mereka.

Harapan bagi mereka yang menyertai projek, pada satu masa nanti bukan sahaja mendapatkan manfaat kepada keluarga atau diri mereka sendiri tetapi kepada masyarakat dan negara sekali gus mengubah persepsi orang ramai bahawa golongan ini terutama golongan bekas banduan mampu menaburkan positifiti atau manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh. Hanya saja mereka ini diberi peluang kedua dan percaya mereka boleh kembali ke pangkal jalan dan seterusnya menabur bakti kepada negara dari segi ekonomi dan sosial melalui bidang yang diceburi.



EFB SEDIAKAN KOTAK MAKANAN PERCUMA DI MESIR, GAZA MENJELANG RAMADAN

KAHERAH, 11 Mac. - Pekerja dan sukarelawan dengan organisasi bukan untung Egyptian Food Bank (EFB) bertungkus lumus untuk menyediakan kotak makanan percuma bagi golongan yang tidak bernasib baik di Mesir dan Semenanjung Gaza, dengan umat Islam di sini mula berpuasa pada Isnin.

Dengan slogan "Makanan: Asas Kehidupan", dikelilingi trak dan fokolif untuk memuatkan dan menghantar kotak-kotak makanan, ibu pejabat EFB setinggi lima tingkat itu menerima sumbangan tertinggi sejak 20 tahun lepas.

"Kami menyediakan bekalan kepada kira-kira 3,700 organisasi berasaskan komuniti di seluruh dunia, dengan hampir lima juta golongan miskin berdaftar," kata Ibrahim Shaheen, Pengarah Sektor Rangkaian Bekalan EFB sambil menambah organisasi itu mempunyai 120 pekerja khusus di dalam pembungkusan dan gudang, sementara jumlah keseluruhan pekerja kira-kira 1,000 orang.

Kami menyediakan kotak yang dinamakan 'Kegembiraan

Ramadan' mengandungi pelbagai produk makanan termasuk kekacang, beras, gula dan makaroni sementara item lain adalah seperti kurma kering, keju, susu, minyak masak dan lain-lain," katanya.

Mohamed Gamal Taha pengurus gudang berusia 25 tahun di sebuah syarikat tenaga dan menjadi sukarelawan dengan EFB sejak 2019 telah menubuhkan pasukannya dianggotai kira-kira 150 sukarelawan.

"Pernah sekali saya melihat kotak EFB diedarkan di kawasan kejiranan saya. Ia membuatkan saya gembira untuk melihat kotak-kotak saya disediakan untuk sampai kepada mereka yang memerlukan dan ini menggalakkan saya untuk menambah pasukan sukarelawan saya," pemuda itu memberitahu Xinhua.

"Kami berusaha bersungguh-sungguh sehingga kotak-kotak berkenaan sampai di Gaza," katanya.

EFB ialah anggota National

Alliance for Civil Development Work (NACDW), penyedia utama bantuan kemanusiaan ke Gaza dengan menyeberang sempadan Rafah.

Beberapa trak di luar bangunan EFB diselubungi sepanduk hijau dengan slogan "Untuk Saudara Kami di Palestin".

"Sehingga sekarang, EFB telah menghantar lebih daripada 7,000 tan bekalan makanan ke Gaza," kata Ketua Pegawai Eksekutif EFB Mohsen Sarhan, menjelaskan keganasan Israel di Gaza sebagai satu tragedi.

Sarhan berkata derma merupakan sumber pembiayaan utama EFB. "Lebih daripada 95 peratus derma yang kami terima datang dari rakyat Mesir.

"Kami mengeluarkan 50,000 ke 60,000 kotak makanan setiap hari," Ketua Pegawai Bank Makanan itu memberitahu Xinhua, sambil menambah bank makanan itu sedang mencari "keseimbangan antara tugas asas kami membantu

rakyat Mesir, yang merupakan misi utama kami dan tugas kami membantu jiran kami (di Gaza) yang

menderita daripada serangan dan kesakitan yang dahsyat," katanya. - ©BERNAMA

Australia akan mansuhkan cukai yang menyusahkan mulai Julai - Chalmers

SYDNEY, 11 Mac. - Menteri Kewangan Australia, Jim Chalmers berkata pada Isnin bahawa Kerajaan Persekutuan akan memansuhkan 500 tarif yang menyusahkan mulai 1 Julai, lapor Xinhua.

"Kami akan memansuhkan tarif import terhadap pelbagai produk import termasuk berus gigi, peralatan tangan, peti ais, mesin basuh pinggan mangkuk, pakaian dan produk berkaitan haid dan kebersihan," kata Chalmers pada Sidang Kemuncak Perniagaan Financial Review Australia yang berlangsung di sini.

"Ini merupakan pembaharuan cukai unilateral terbesar sekurang-kurangnya dalam dua dekad. Ia akan mengurangkan kos pematuhan dan kerehah birokrasi, memudahkan urusan niaga dan melonjakkan produktiviti," katanya.

Menurut Menteri Kewangan itu, pembaharuan ini menjadi langkah penting untuk memudahkan sistem perdagangan Australia dan menghapuskan kos pematuhan untuk perniagaan tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana.

"Terdapat 18 perjanjian perdagangan bebas dan sekitar 16,000 perintah konsesi tarif. Kebanyakan perdagangan kami ialah bebas tarif tetapi tidak percuma dalam kos pematuhan berkaitan. Sistem semasa yang kompleks bermakna perniagaan tidak menerima manfaat sepenuhnya daripada peluang perdagangan. Beban pematuhan memberikan kesan tidak seimbang kepada perniagaan kecil dan pengimport sambil yang kurang berupaya menguruskan kos mencapai kadar keutamaan atau konsesi," kata Chalmers.

Perubahan ini dijangka akan melupuskan kira-kira 14 peratus daripada keseluruhan tarif Australia. Sementara itu, mereka juga akan memperkemas perdagangan tahunan Australia bernilai kira-kira 8.5 bilion dolar Australia (US\$5.6 bilion) dan menjimatkan perniagaan lebih 30 juta dolar Australia dalam kos pematuhan setiap tahun.

"Ini akan menyediakan sedikit bantuan dalam menangani cabaran kos sara hidup dengan menjadikan barangan harian murah sedikit," kata Chalmers.

(1 dolar Australia bersamaan kira-kira US\$0.66). - ©BERNAMA

Kerjasama Afrika-China saling menguntungkan - Presiden Sierra Leone

BEIJING, 11 Mac. - Afrika dan China menjalin hubungan dua hala yang saling menguntungkan, kata Presiden Sierra Leone Julius Maada Bio. Beliau berkata sesetengah individu, pertubuhan dan negara mendefinisikan hubungan antara Afrika dan China seolah-olah bertujuan untuk 'menjarah'.

"Sudah beberapa abad kami bekerjasama dengan institusi dari pelbagai negara, namun kesepakatan itu tidak membawa manfaat kepada kami.

"Sebaik kami menemui kawan baharu untuk memulakan kerjasama, pasti akan menarik perhatian banyak pihak.

"Namun, segala yang kami lakukan adalah untuk pembangunan rakyat," kata Bio dalam temu bual bersama Kumpulan Media China (CMG) baru-baru ini.

Menurut beliau, kerjasama dengan China sejak sekian lama membantu Sierra Leone memahami 'diri sendiri' dengan lebih mendalam.

Sierra Leone perlu mewujudkan kaedah kerjasama yang saling untung serta bukan sekadar meminta duit dan sumber daripada China. "Kaedah itu juga menjadi satu-satunya cara bagi memastikan kerjasama antara kedua-dua pihak dapat berterusan," kata beliau.

Dalam pada itu, Sierra Leone berhasrat mengadakan pertukaran barangan dan perkhidmatan dengan China.

Tambah beliau, negara-negara Afrika mempunyai visi sama iaitu berganding bahu dengan negara lain di dunia demi membawa kemakmuran kepada rakyat. - ©BERNAMA

5 maut pesawat terhempas di Virginia

MOSCOW, 11 Mac. - Sebuah pesawat enjin berkembar yang dinaiki lima individu terhempas berhampiran Lapangan Terbang Ingalls Field di Virginia, menurut Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik.

"Pesawat enjin berkembar IAI Astra 1125 terhempas berhampiran Lapangan Terbang Ingalls Field di Hot Springs, Virginia, kira-kira 3 petang waktu tempatan pada Ahad, 10 Mac. Lima orang berada di dalam pesawat itu," menurut agensi itu dalam kenyataan pada Ahad.

Penyiar ABC News melaporkan empat dewasa dan seorang kanak-kanak meninggal dunia dalam nahas pesawat itu. - ©BERNAMA

Kerajaan Sabah salur bantuan untuk 364 mangsa kebakaran di Tawau

TAWAU, 11 Mac. - Nasib 364 mangsa kebakaran di Kampung Tanjung Batu Logpond di sini mendapat perhatian kerajaan Sabah yang mengumumkan bantuan membeli peralatan rumah membabitkan peruntukan RM970,000 selain pemberian wang ihsan.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor berkata kerajaan negeri memberikan bantuan pembelian peralatan rumah RM20,000 kepada 45 rumah yang musnah 100 peratus dalam kejadian kebakaran itu, manakala RM10,000 untuk tujuh rumah yang hangus sebahagian.

"Saya tidak dapat gambarkan perasaan mangsa yang terlibat, kita kena cari jalan untuk bina rumah semula, ini pun difikirkan oleh kerajaan dan untuk itu kerajaan akan beri bantuan beli peralatan rumah," katanya ketika berucap

pada majlis penyerahan bantuan wang ihsan kerajaan negeri kepada 72 ketua keluarga mangsa kebakaran Kampung Tanjung Batu Laut Logpond, di sini hari ini.

Kira-kira 52 rumah terlibat dalam kebakaran yang menyebabkan 364 mangsa terjejas dan tinggal sehelai sepinggang pada kejadian Rabu lepas.

Dalam pada itu, Hajiji berkata menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan kepentingan penduduk yang diuji bencana terjaga.

"Sebab itu saya sampaikan bantuan RM3,000 tunai pada setiap ketua keluarga, iaitu bantuan RM1,000 masing-masing daripada kerajaan negeri dan Tabung Zakat Majlis Ugama Islam Sabah manakala RM700 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat serta RM300

daripada Baitulmal," katanya.

Mangsa Herniati Hasanuddin, 44, berkata beliau terharu dengan keprihatinan kerajaan negeri apabila pemimpin nombor satu negeri sendiri turun padang melawat dan memberi bantuan kewangan kepada mereka.

"Terima kasih, sedikit sebanyak bantuan ini dapat memudahkan kelangsungan hidup saya, suami dan empat anak, dan bantuan ini boleh digunakan bina semula sedikit-sedikit rumah pusaka yang terbakar hari itu.

"Saya tinggal di rumah itu sejak kecil, mesti bina semula walaupun ambil masa lama," katanya.

Menurutnya untuk sementara waktu dia sekeluarga akan menyewa rumah di Taman Semarak di sini dengan kadar RM500 sebulan. - ©BERNAMA

Jambatan zaman British lebih 100 tahun dikhuatiri roboh bila-bila masa

KUALA KRAI, 11 Mac. - Jambatan Gantung Sultan Ismail di sini yang dibina sekitar 1920-an, menghubungkan Kuala Krai dengan Kota Bharu, pernah menjadi nadi pengangkutan darat untuk rakyat melakukan urusan harian.

Meskipun tidak digunakan lagi sejak 1986 setelah jambatan baharu dibina bersebelahan, tetapi jambatan yang turut dikenali sebagai Gertak Gantung Sungai Nal oleh masyarakat setempat itu masih wah berdiri sebagai mercu tanda warisan kebanggaan rakyat Kelantan.

Namun, selepas lebih 100 tahun, jambatan dengan seni bina Eropah dan dibangunkan semasa penjajahan British itu, mungkin tidak bertahan lama kerana dikhuatiri akan runtuh bila-bila masa.

Tinjauan Bernama di jambatan sepanjang 21 meter dan lebar sembilan meter itu, mendapati terdapat beberapa kesan retakan pada struktur binaan dan berlaku hakisan tanah di kawasan berhampiran.

Penduduk Siti Faezah Ab Manaf, 33, berkata sekiranya tiada

langkah segera untuk membaiki pulih jambatan yang merentangi Sungai Nal itu, kemungkinan besar akan berlaku perkara yang tidak diingini sekali gus melenyapkan satu daripada peninggalan warisan sejarah di Kelantan.

"Semestinya kita rasa bimbang dan takut jika jambatan ini runtuh sebab ia adalah antara lambang seni bina zaman British di negeri ini.

"Pihak bertanggungjawab perlu segera ambil langkah sewajarnya untuk pastikan jambatan gantung ini terus dipelihara dan dilindungi supaya generasi akan datang tahu mengenai kewujudan jambatan bersejarah ini," katanya kepada Bernama hari ini.

Bagi Mohamad Harithah Zuhal, 32, yang menetap di Selangor, setiap kali pulang bercuti ke kampungnya di Tumpat, beliau selalu menggunakan jalan bersebelahan jambatan itu yang menurutnya melahirkan rasa bangga apabila melihat khazanah negara itu masih tersergam indah.

"Bagaimanapun, pada minggu lalu ketika saya melalui jalan

terbabit, saya dapati beberapa bahagian struktur binaan jambatan itu sudah retak dan seolah-olah seperti mahu runtuh.

"Jika benar berlaku retakan atau hakisan tanah di kawasan terbabit, pihak berwajib perlu segera ambil tindakan supaya jambatan ini tidak lenyap dalam lipatan sejarah negeri," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri Datuk Kamarudin Md Nor berkata perbincangan bersama pegawai Majlis Daerah Kuala Krai sudah dilakukan sejak empat bulan lepas untuk membaiki pulih jambatan berkenaan.

"Kita sedang menunggu maklum balas daripada pihak Majlis Daerah Kuala Krai untuk mengetahui punca dan kos yang diperlukan untuk baik pulih jambatan ini.

"Kami akan pastikan jambatan berusia lebih 100 tahun ini terus dipelihara dan menjadi antara kawasan daya tarikan untuk dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara ke negeri Kelantan," katanya. - ©BERNAMA

VENEZUELA : MADURO DIPILIH SEBAGAI CALON PARTI PEMERINTAH UNTUK PILIHAN RAYA AKAN DATANG



BOGOTA, 12 Mac. - Presiden Venezuela, Nicolas Maduro dipilih sebagai calon untuk parti pemerintah Parti Sosialis Bersatu Venezuela (PSUV) pada pilihan raya akan datang, lapor Agensi Anadolu yang memetik seorang pegawai parti pada Isnin. Maduro, 61 akan bertanding untuk penggal ketiga pada pilihan

raya 28 Julai depan, kata Diosdado Cabello, sambil menambah lebih 4.2 juta ahli parti memilih Maduro dalam pilihan raya utama dalaman parti.

Walaupun Maduro belum lagi membuat sebarang pengumuman, beliau telah menganjurkan beberapa perarakan sejak tarikh pilihan raya ditetapkan.

Blok pembangkang masih belum menetapkan calon mereka. Maduro memegang tampuk kuasa sejak 2013 dan dipilih semula dalam pemilihan 2018. - ©BERNAMA

Ishaq Dar dilantik sebagai Menteri Luar Pakistan

NEW DELHI, 12 Mac. - Bekas Menteri Kewangan Ishaq Dar dilantik sebagai Menteri Luar Pakistan yang baharu. Muhammad Aurangzeb, merupakan tokoh perbankan, dilantik Menteri Kewangan baharu.

Presiden Asif Ali Zardari menyaksikan majlis angkat sumpah jawatan kedua-dua menteri baharu dalam kerajaan Perdana Menteri Shehbaz Sharif di Istana Presiden, Aiwan-e-Sadr, di Islamabad pada Isnin.

Aurangzeb meletak jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Habib Bank Limited (HBL), bank terbesar Pakistan sebelum menyertai Kabinet Shehbaz yang dianggotai 19 menteri. Dar bekas Menteri Kewangan empat kali adalah penyokong setia abang Shehbaz yang juga bekas Perdana Menteri Nawaz Sharif.

Dar yang merupakan akauntan bertaualiah, kembali ke Pakistan dari London pada September 2022 selepas bersuaka kira-kira lima tahun. Nawaz, yang menyokong Shehbaz untuk jawatan Perdana Menteri, kembali ke Pakistan pada Oktober 2023 selepas empat tahun memilih hidup dalam buangan di United Kingdom.

Dalam portfolio penting lain, Khawaja Mohammad Asif berkhidmat sebagai Menteri Pertahanan, jawatan yang disandangnya semasa Shehbaz kali pertama dilantik sebagai Perdana Menteri antara April 2022 dan Ogos 2023 berikutan penyingkiran kontroversi Imran Khan sebagai Perdana Menteri dalam undi tidak percaya di Parlimen. Mohsin Naqvi, bekas Ketua Menteri sementara wilayah Punjab, memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. - ©BERNAMA

India uji peluru berpandu yang mampu bawa pelbagai kepala peledak

NEW DELHI, 12 Mac. - India pada Isnin menjalankan ujian penerbangan pertama sistem peluru berpandu yang mampu membawa pelbagai kepala peledak. Agni-5 dengan teknologi sistem kenderaan masuk semula bebas sasar berganda (MIRV), telah diuji dari sebuah pulau di negeri Odisha.

“Pelbagai stesen telemetri dan radar mengesan dan memantau MIRV. Misi itu mencapai parameter yang direka bentuk,” menurut Kementerian Pertahanan. India telah membangunkan pelbagai peluru berpandu canggih sebagai sebahagian daripada program pembangunan peluru berpandu bersepadu selama beberapa dekad.

Ia berjaya menguji Agni-5, peluru berpandu balistik yang berkemampuan membawa kepala peledak nuklear sejauh 5,000km, pada Oktober 2021.

MIRV pertama kali dibangunkan pada awal 1960-an untuk membolehkan peluru berpandu menghantar pelbagai kepala peledak nuklear ke sasaran berbeza, menurut Pusat Kawalan Senjata dan Pengawasan Senjata yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS).

Negara-negara yang menggunakan peluru berpandu MIRV ialah AS, Britain, Perancis, China dan Rusia manakala Pakistan menguji peluru berpandu balistik jarak sederhana dengan teknologi MIRV pada 2017. - ©BERNAMA

Industri pelancongan China pulih dengan kukuh

BEIJING, 12 Mac. - Industri pelancongan China menyaksikan pemulihan yang kukuh dan pertumbuhan pesat pada tahun 2023, kata Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Sun Yeli.

“Ledakan aktiviti pelancongan memainkan peranan penting dalam merangsang permintaan domestik, menjana pasaran pekerjaan dan mengukuhkan keyakinan,” kata beliau pada taklimat media selepas mesyuarat penutup sesi kedua Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) ke-14 di Dewan Besar Rakyat di sini, pada Isnin.

Sun berkata China menyaksikan ledakan dalam industri pelancongan ais dan salji di bahagian timur laut semasa musim sejuk lalu.

“Di provinsi Heilongjiang sahaja, mencatatkan sebanyak 120 juta kedatangan pelancong bagi tempoh November tahun lalu hingga Februari dengan pendapatan pelancongan berjumlah 170 bilion yuan (RM110.9 bilion).

“Seluruh negara juga mengalami ledakan pelancongan pada 2023 apabila pelancong domestik melakukan hampir 4.9 bilion perjalanan sepanjang tahun lalu dan jumlah perbelanjaan pelancongan direkod lima trilion yuan (RM3.26 trilion),” jelas Sun. - ©BERNAMA

PM sementara Haiti Ariel Henry letak jawatan di tengah-tengah krisis

MEXICO CITY, 12 Mac. -Ariel Henry, Perdana Menteri sementara Haiti yang dilanda krisis telah bersetuju untuk meletakkan jawatan, menurut Komuniti Caribbean (CARICOM), lapor Agensi Berita Jerman dpa. Majlispresidentujuh anggota akan

dibentuk untuk peralihan pilihan raya di Haiti, yang akan melantik perdana menteri sementara yang baharu, kata Presiden Guyana Mohamed Irfaan Ali pada lewat Isnin selepas mesyuarat perdana menteri negara-negara Caribbean

di Jamaica. Kumpulan penjenayah yang mengawal sebahagian besar Haiti menuntut peletakan jawatan Henry yang kini terkandas di luar negara berikutan krisis di negara itu. - ©BERNAMA

Lebih 1.8 juta lintas pusat pemeriksaan Woodlands & Tuas dari 7 - 10 Mac

SINGAPURA, 12 Mac. - Lebih 1.8 juta pelancong melintasi pusat pemeriksaan Woodlands dan Tuas sempena cuti sekolah dari 7 hingga 10 Mac 2024, menurut Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan Singapura (ICA).

Agensi itu berkata kira-kira 495,000 pelancong menyeberangi pusat pemeriksaan darat itu pada 8 Mac, melepasi kemuncak sebelumnya kira-kira 485,000 pelawat pada Ogos 2019, sebelum

COVID-19.

Menurut ICA trafik dijangka kekal padat di kedua-dua pusat pemeriksaan darat itu sepanjang cuti persekolahan pada Mac dan pelancong diminta memeriksa keadaan lalu lintas sebelum memulakan perjalanan. Masa menunggu dijangka lebih lama mengambil kira lebih banyak masa untuk pelepasan imigresen.

“Kami berharap orang ramai dapat memahami dan bersabar

dan meminta agar tidak memotong barisan, mematuhi peraturan lalu lintas dan beri kerjasama kepada pegawai di lapangan,” menurut SIC dalam kenyataan pada Selasa.

Agensi itu berkata ia akan terus mengkaji semula operasi di pusat pemeriksaannya, memperkenalkan inisiatif inovatif dan memperkemas serta mengautomasikan proses sedia ada untuk pelepasan imigresen yang lebih cepat dan lancar untuk pelancong. - ©BERNAMA

Suasana suram selubungi Sambutan Ramadan di Nablus

NABLUS, 12 Mac. - “Tiada sebarang hiasan apa lagi lagu-lagu riang. Aktiviti jual beli pun tiada langsung. Suasana dan perasaan menyambut bulan suci Ramadan di pasar bandar Nablus (utara Tebing Barat) kali ini sangat suram,” luah seorang warganya Abdul Latif Al-Kharaz.

Bercerita kepada Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA) Al-Kharaz berkata Ramadan tahun ini berbeza sama sekali dengan tahun-tahun sebelumnya. Beliau yang juga seorang penjaja di bandar lama Nablus selama bertahun-tahun berkata bulan Ramadan di bandar ini biasanya disambut dengan meriah dan istimewa kecuali tahun ini disebabkan pencerobohan Israel tanpa henti ke atas Gaza sejak 7 Oktober lepas.

“Kebiasaannya sehari sebelum menjelang Ramadan, pasar-pasar di bandar ini akan sesak dengan pengunjung dan mereka mengambil masa yang lama untuk membeli barangan kerana pergerakan yang terbatas akibat terlampau sesak”, katanya. Warga tempatan, Ummu Mustafa Abu Hatab yang merupakan pelanggan tetap di pasar tersebut, turut mengakui hakikat itu.

“Tahun ini menjadi tahun yang

sangat suram terutama penduduk Gaza yang terpaksa berhempas-pulas bagi mendapatkan sekeping roti untuk dimakan malah mungkin mereka terpaksa berpuasa sepanjang hari kerana tiada makanan,” katanya.

Rakyat Palestin berusaha mencari tawaran harga terendah untuk membeli barang keperluan ketika konflik ini selainengehadkan diri mereka untuk membeli barang yang diperlukan sahaja. Seorang peniaga Alaa Saad El Din menggambarkan keadaan yang dihadapi penduduk di sini ketika ini amat sukar dalam semua perkara dan keadaan.

“Biasanya kami melihat suasana yang sibuk di pasar Nablus sebulan sebelum tibanya Ramadan, tetapi pada tahun ini orang ramai hanya mula membeli barang keperluan mereka sejak dua hari lepas dan suasana amat berlainan berbanding tahun-tahun sebelumnya”.

Jurucakap media Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nablus, Yassin Dweikat berkata bulan Ramadan seharusnya menjadi bulan yang terbaik bagi peniaga dari segi jualan dan keuntungan terutama di bandar lama Nablus.

“Tetapi semuanya berubah pada

tahun ini apabila keadaan ekonomi kami juga sangat memeritkan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah. Hal ini diburukkan lagi dengan pencerobahan berterusan Israel ke atas semenanjung Gaza yang sudah berlarutan selama lebih lima bulan.

“Bandar Nablus juga kini dikelilingi oleh 31 pusat pemeriksaan dan 14 pagar besi yang telah menghalang pergerakan penduduk bandar dan menjejaskan hampir keseluruhan ekonomi di sini,” katanya.

Menurutnya, rata-rata penduduk Palestin tidak mempunyai pekerjaan kerana majikan tidak mampu membayar gaji selain harta mereka juga disita oleh Zionis Israel kerana kononnya tidak membayar cukai. “Oleh sebab itu mereka hanyaengehadkan pembelian dan membeli barang yang mereka benar-benar perlu sahaja”, katanya.

Serangan berterusan Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lepas membunuh 31,112 rakyat Palestin dan mencederakan 72,760 penduduk selain menyebabkan kemusnahan besar-besaran dan kekurangan barang keperluan. - ©BERNAMA



KELANTAN UNITED FC KINI DIKENALI KDN FC

KOTA BHARU, 12 Mac. - Kelantan United FC (KUFC) dijenamakan semula kepada Kelantan Darul Naim (KDN FC) bagi menghadapi saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim ini.

Presiden KUFC Rozi Muhammad berkata penjenamaan semula nama dan logo kelab adalah disebabkan keinginan pihak pengurusan untuk menyatukan semula penyokong bola sepak Kelantan di bawah satu panji serta bendera kebanggaan negeri.

Beliau berkata perubahan nama dan logo ini bukan untuk menggantikan pasukan utama iaitu Kelantan FC namun ia satu perubahan yang dibuat demi melihat kelab lebih berdaya saing.

"Perubahan itu dilakukan bagi membolehkan KDNFC mampu bersaing di hierarki tertinggi Liga Malaysia bersama kelab utama lain dengan entiti yang lebih dominan serta memiliki satu pengaruh bersifat menyeluruh.

"Besarnya harapan kami dengan penggunaan nama dan logo baharu ini untuk melihat semua pihak di Kelantan dapat bersatu padu demi perkembangan bola sepak Kelantan lebih berdaya saing dan mencabar kelab-kelab lain," katanya dalam kenyataan hari ini.

Rozi menyeru peminat fanatik KDNFC untuk memberi sokongan dan sorakan serta memenuhi stadium setiap perlawanan liga musim ini. Menurutnya, pihak pengurusan turut berterima kasih kepada Liga Bola Sepak Malaysia dan First Instant Body kerana menerima penjenamaan semula kelab untuk menghadapi saingan 2024/2025.

"Kami juga berterima kasih kepada semua peminat dan penyokong bola sepak Kelantan kerana curahan idea serta pendapat mengenai penjenamaan semula KUFC kepada KDNFC," katanya. - ©BERNAMA

Malaysia ditawarkan secara rasmi jadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026

KUALA LUMPUR, 11 Mac. - Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) menawarkan peluang kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026 bagi menggantikan Victoria, Australia, yang menarik diri tahun lepas.

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dalam kenyataan hari ini berkata tawaran itu merangkumi pelaburan kewangan yang besar menjangkau 100 juta pound (kira-kira RM601 juta) untuk menyokong perancangan bagi penganjuran edisi 2026 itu.

"Susulan undangan rasmi daripada CGF kepada MOM yang juga dikenali sebagai Persatuan Sukan Komanwel (CGA) Malaysia bulan lepas, MOM telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengenai kemungkinan menganjurkan Sukan Komanwel 2026 selepas pembida yang menang iaitu Victoria, Australia menarik diri tahun lepas," menurut kenyataan itu.

Presiden MOM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria dalam kenyataan sama berkata CGA Malaysia berpandangan kerajaan perlu menimbangkan peluang sekali seumur hidup itu, di samping sokongan serta pelaburan kewangan berkaitan, meneruskan legasi kejayaan Malaysia yang pernah menganjurkan Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998, dan mengembalikan kemegahan negara dalam arena sukan dunia.

Menurutnya dengan kemudahan bertaraf dunia sedia ada, Malaysia berupaya menjadi tuan rumah acara antarabangsa seperti Sukan Komanwel yang melibatkan 74 negara dan wilayah Komanwel.

Mohamad Norza berkata penganjuran berkenaan pasti akan melibatkan perbelanjaan kerajaan yang minimum serta membawa manfaat sosioekonomi yang besar kepada negara.

"Ia juga akan meningkatkan standard sukan Malaysia seperti yang berlaku selepas Sukan Komanwel 1998," katanya.

Sabtu lepas Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh memaklumkan Kabinet akan membuat keputusan sama ada Malaysia berminat untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026 dalam masa terdekat.

Hannah berkata KBS sedang menyediakan satu kertas Kabinet yang merangkumi hasil kajian tentang pelbagai aspek penganjuran sukan tersebut.

Persoalanan mengenai Sukan Komanwel 2026 masih menjadi tanda tanya selepas Victoria, yang sepatutnya menjadi tuan rumah edisi ke-23 menarik diri pada Julai tahun lepas disebabkan kenaikan kos penyelenggaraan dari jangkaan awal AUD2.6 bilion (sekitar RM8.09 bilion) kepada AUD7 bilion (kira-kira RM21.78 bilion).

Kerajaan Victoria juga dilaporkan bersetuju membayar AUD380 juta bagi pelanggaran kontrak kerana gagal menganjurkan acara berkenaan yang dijadualkan dari 17 hingga 29 Mac 2026.

Malaysia adalah negara Asia pertama menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada 1998. Pada 2010, sukan empat tahun sekali itu kembali ke rantau ini dan berlangsung di India. - ©BERNAMA

Harapan Sharul Aimy buat penampilan sulung di Sukan Olimpik Paris 2024 tipis

KUALA LUMPUR, 11 Mac. - Peluang untuk gimnas lelaki negara, Muhammad Sharul Aimy Kamaru Hisam untuk membuat penampilan sulung di Sukan Olimpik Paris, Julai ini kini semakin tipis.

Ini selepas pemenang pingat gangsa Sukan Asia Hangzhou 2022 itu gagal menaiki podium ketika aksi final melombol pada siri ketiga Piala Dunia Aparatus FIG (Persekutuan Gimnastik Antarabangsa) 2024 di Baku, Azerbaijan, semalam.

Atlet berusia 22 tahun itu menduduki tempat tercorot dengan memperoleh purata

mata 14.099 daripada lapan peserta dalam acara yang berlangsung di Arena Gimnastik Kebangsaan.

Nazar Chepurnyi dari Ukraine dinobatkan sebagai juara setelah merekodkan 14.900 mata manakala Shek Wai Hung dari Hong Kong meraih perak (14.866 mata) dan Harry Hepworth dari Britain dengan gangsa (14.866 mata).

Meskipun tidak berjaya membawa pulang pingat, Naib Presiden Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF), Francis Lau tetap memuji persembahan atlet kelahiran

Terengganu itu.

"Persembahannya baik tetapi finalis lain juga menunjukkan persembahan dan pendaratan yang baik. Namun peluang Sharul Aimy untuk layak (Sukan Olimpik 2024) adalah tipis," katanya kepada Bernama.

Sharul Aimy sebelum ini gagal ke pentas akhir pada dua siri Piala Dunia Aparatus FIG 2024 masing-masing di Kaherah, Mesir dan Cottbus, Jerman.

Di Kaherah, beliau berada pada kedudukan ke-27 daripada 42 peserta

pada pusingan kelayakan diikuti tempat ke-17 daripada 50 peserta di Cottbus pada peringkat sama.

Sharul Aimy dijadualkan bertanding dalam siri akhir kejohanan itu di Doha, Qatar dari 17 hingga 20 April ini.

Siri Piala Dunia akan menawarkan dua kuota bagi setiap jantina untuk setiap aparatus berdasarkan tiga keputusan terbaik gimnas dalam empat pertandingan.

Sukan Olimpik 2024 akan berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REBUT PELUANG BERIBADAT, NIKMATI KEBERKATAN SERTA GANJARAN BERLIPAT GANDA DI BULAN RAMADAN